



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri



**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN**

SPM 2021

BAHASA MELAYU

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

PANEL PENULIS

BIL	NAMA	SEKOLAH
1	HAJI AHMAD AZAN BIN AB. LATIF	KOLEJ VOKASIONAL WAKAF TEMBESU
2	HAJI HARUN BIN MOHAMAD	SMKA DATO' HAJI ABBAS
3	HAJI AHMAD NIZAM BIN MAMAT@MOHD	SMK DATO HAJI MOHD SAID
4	SALINA BINTI AHMAD SOFIAN	SMK MANIR
5	ROZLIDA BINTI ABD GHANI	SMK SERI NILAM
6	ALIAS BIN MUDA	KOLEJ VOKASIONAL DUNGUN
7	AMINORZIE BINTI CHE WAIL	SMK CHALOK
8	ROSLI BIN ISMAIL	SMKA DURIAN GULING
9	HAI WAN PAUZI BIN WAN MOHD	SMK NASIRUDDIN SHAH
10	NERMANI BINTI SEMAN	SMK BANGGOL
11	NORHAFIZAH BINTI YAHAYA	SMK CHUKAI
12	RAJA ZAMRI BIN RAJA MUHAMMAD	SMK TOK DOR
13	ROSLAN BIN MOHD ANUAR	SM SAINS HULU TRG
14	ROSLI BIN ISMAIL	SMK PADANG PULUT

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

**Karangan Bahagian A – Esai Respons Terhad / Tertutup
Berdasarkan Kombinasi Kepelbagaiannya Bahan Rangsangan**


- 1 Baca arahan soalan dengan teliti.
- 2 Murid akan diberikan bahan berdasarkan kombinasi kepelbagaiannya bahan rangsangan.
- 3 Teliti semua bahan rangsangan yang diberikan dan kenal pasti idea berdasarkan fokus yang terdapat pada semua bahan yang disediakan.
- 4 Pastikan calon menulis karangan lengkap yang mempunyai kepanjangan antara 150 hingga 200 patah perkataan.
- 5 Skrip jawaban Peperiksaan bahagian A ini akan diperiksa setakat 200 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- 6 Karangan mestilah mencapai tema bahan rangsangan/menebat arahan soalan.
- 7 Karangan mestilah mempunyai isi-isi penting yang relevan dan tersusun.
- 8 Isi-isi penting itu pula perlu diuraikan dengan jelas dan disokong dengan contoh-contoh yang tepat dan menarik.
- 9 Karangan mestilah menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat penggunaannya.
- 10 Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, hadis nabi, terjemahan ayat suci al-Quran, al-Hadis dan lain-lain.
- 11 Karangan juga harus mempunyai idea yang relevan dengan tema rangsangan yang diberi dan diuraikan dengan jelas.
- 12 Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kemahiran calon.
- 13 Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.

Karangan Bahagian A (Jenis umum)

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan koperasi sekolah.

Berdasarkan bahan tersebut,uraikan pendapat anda tentang **koperasi sekolah**.

Panjang karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Rangka Karangan

Isu : Koperasi Sekolah
Kehendak Soalan : Umum
Format: Tiada

Perenggan 1

Pendahuluan

- Definisi koperasi
- Ayat tanya, apakah faedah-faedah koperasi sekolah?

Menyalakan isi dengan menggunakan pendekatan

KAEDAH ICCUKK

ICCU Kementerian Kesihatan
(*Intensive Coronary Care Unit Kementerian Kesihatan*)

I = IDEA/ISI
C = CERITA/HURAIAN
C = CONTOH
U = UNGKAPAN MENARIK
KK = KESIMPULAN KECIL

Setiap perenggan isi kena ada ICCUKK ini. Contoh;

Perenggan 2

Satu daripada kebaikan koperasi sekolah ialah dapat memupuk bakat <u>keusahawanan dalam kalangan murid</u> .	Idea
Melalui koperasi, para murid berpeluang mengetahui asas selok-belok dalam mengendalikan urusan perniagaan	Cerita/Huraian
Ahli koperasi, iaitu murid-murid ini terlibat dalam aktiviti jual beli, membuat akaun, pemasaran dan pembekalan	Contoh
Semangat bermiaga tidak datang secara paksaan tetapi dengan sukarela kerana mereka mengadakan aktiviti jual beli hampir setiap hari, alah bisa tegal biasa.	Ungkapan menarik
Jelaslah di sini bahawa koperasi sekolah mampu memupuk semangat untuk bermiaga dalam diri murid-murid.	Kesimpulan kecil

Perenggan 3

Kebaikan koperasi sekolah adalah dengan mengenakan harga yang murah pada setiap barang	Idea
Dengan adanya koperasi sekolah, sudah tentu memudahkan murid membeli barang keperluan sekolah mereka dengan harga yang murah	Cerita/Huraian
contohnya buku tulis, pen, pensel, kertas kajang, mendapatkan perkhidmatan fotostat dan sebagainya lebih murah berbanding kedai di luar	Contoh
Sambil menyelam minum air, sebenarnya dengan harga yang murah juga dapat membantu murid daripada keluarga yang kurang senang untuk belajar	Ungkapan menarik
Sudah terang lagi bersuluh bahawa meletakkan harga yang murah merupakan salah satu daripada kebaikan koperasi sekolah	Kesimpulan kecil

Perenggan 4

Di samping itu, koperasi sekolah dapat mendidik para murid untuk melabur dan berjimat cermat.	Idea
Para murid harus menabung dan melabur kerana merupakan amalan yang mulia dan menguntungkan	Cerita/Huraian
Mereka tidak perlu menyimpan dalam kuantiti yang banyak setiap hari	Contoh
Kuantiti yang sedikit seperti 10 sen atau 50 sen sudah memadai kerana sikit-sikit lama-lama menjadi bukit	Ungkapan menarik
Siang bagi hari, terang bagi bulan bahawa sikap berjimat cermat dan suka melabur dapat dipupuk melalui koperasi sekolah.	Kesimpulan kecil

Perenggan 5

Kesimpulan

- Ternyata banyak sekali kebaikan koperasi sekolah
- Diakhiri dengan serangkap pantun

Karangan contoh sepenuhnya;

Pada era globalisasi tanpa limitasi ini, (KOSA KATA LUAS) saya pasti setiap sekolah menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang sewajarnya untuk para murid. Koperasi yang dianggap tidak mempunyai faedah ini sebenarnya mendatangkan 1001 kebaikan. Apakah sebenarnya kebaikan-kebaikan yang dapat disumbangkan oleh koperasi sekolah? (AYAT TANYA)

Satu daripada (PENANDA WACANA) kebaikan koperasi sekolah ialah **dapat memupuk bakat keusahawanan dalam kalangan murid.** (AYAT TOPIK) Melalui koperasi, para murid berpeluang mengetahui asas selok-belok dalam mengendalikan urusan perniagaan.(AYAT HURAIAN) Selain itu, ahli koperasi, iaitu murid-murid ini terlibat dalam aktiviti jual beli, membuat akaun, pemasaran dan pembekalan. (AYAT CONTOH) Jelaslah di sini bahawa (PENANDA WACANA) koperasi

sekolah mampu memupuk semangat untuk berniaga dalam diri murid-murid. (**AYAT SIMPUL / AYAT PENEGRASAN/KESIMPULAN KECIL**)

Selain itu, (**PENANDA WACANA**) kebaikan koperasi sekolah adalah dengan **mengenakan harga yang murah pada setiap barang**, (**AYAT TOPIK**) contohnya buku tulis, pen, pensil, kertas kajang, perkhidmatan fotostat dan sebagainya berbanding kedai di luar. (**AYAT CONTOH**) Dengan adanya koperasi sekolah akan memudahkan murid membeli barang keperluan sekolah mereka dengan harga berpatutan. Sudah terang lagi bersoleh bahawa (**PENANDA WACANA**) meletakkan harga yang murah merupakan salah satu daripada kebaikan koperasi sekolah. (**AYAT SIMPUL / AYAT PENEGRASAN/KESIMPULAN KECIL**)

Kesimpulannya, (**PENANDA WACANA**) koperasi sekolah bukan sekadar menjual dan membeli barang, malah melahirkan murid yang lebih yakin ketika berkomunikasi, pintar bergaul dan matang dalam membuat keputusan. Usaha tangga kejayaan, (**UNGKAPAN MENARIK**) itulah gambaran bagi se sebuah koperasi kerana sudah berusaha untuk menyediakan satu perkhidmatan yang dapat memudahkan murid dan guru.

(200 patah perkataan)

Karangan Bahagian A (Jenis Membalas E-Mel)

Baca e-mel di bawah dengan teliti. Anda dikhendaki menjawab e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Daripada : aidilrizqi_0195@gmail.com

Kepada : uwaisalmateen09@yahoo.com

Subjek : Keistimewaan Permainan Tradisional

Salam hormat sahabaku Uwais,

Apa khabar? Maaf kerana sudah lama saya tidak menghantar e-mel kepada awak. Saya sedang melakukan penyelidikan berkaitan permainan tradisional di Malaysia. Bolchikah awak berkongsi tentang keistimewaan permainan tradisional? Adakah permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh generasi muda?

Sahabatmu,

Aidil Rizqi

Rangka Karangan

Isu : Permainan Tradisional

Kehendak Soalan : Keistimewaan permainan tradisional

Format: E-mel

Perenggan 1

Pendahuluan

- Kata alu-aluan
- Definisi permainan tradisional
- Ayat tanya, apakah keistimewaan permainan tradisional?

Menyatakan isi dengan menggunakan pendekatan

KAEDAH ICCUKK

Perenggan 2

Kepentingan permainan tradisional sebagai warisan budaya Malaysia	Idea
...melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa	Cerita/Huraian
Contohnya permainan gasing	Contoh
Menepati peribahasa tak lapuk dck hujan, tak lekang dck panas	Ungkapan menarik
Tuntasnya, permainan tradisional merupakan warisan leluhor yang perlu dilestarikan untuk tatapan generasi akan datang	Kesimpulan kecil

Perenggan 3

Permainan tradisional dijadikan sebagai hiburan untuk mengisi masa lapang	Idea
...dapat mengurangkan stres dan menyihatkan tubuh badan	Cerita/Huraian
Contohnya permainan layang-layang, tingting dan galah panjang	Contoh
Sesungguhnya dengan melancang dan melayani hobi akan menghilangkan tekanan sedikit demi sedikit dan akhirnya hilang langsung, kata Paralembang, pakar psikologi Nusantara.	Ungkapan menarik
Tuntasnya, permainan tradisional mampu menghilangkan stres seseorang	Kesimpulan kecil

Perenggan 4

Permainan tradisional merupakan salah satu produk pelancongan ... memperkenalkan keunikan budaya, menggantik pelancong luar Malaysia mengajurkan “Pesta Wau Peringkat Antarabangsa”	Idea
Di mana ada gula, di situ ada semut	Cerita/Huraian Contoh Ungkapan menarik

Memang tidak dapat disangkal lagi bahawa permainan tradisional menjadi salah satu produk pelancongan yang menguntungkan

Kesimpulan kecil

Perenggan 5

Kesimpulan

- Permainan tradisional dipinggirkan oleh generasi muda
- Perlu dilestarikan sebagai warisan nenek moyang yang tidak bernilai
- Penutup kata

Karangan contoh sepenuhnya:

Daripada : uwnisalmateen09@yahoo.com

Kepada : aidilrizqi_0195@gmail.com

Subjek : Keistimewaan permainan tradisional

Saya amat gembira apabila mendapat e-mel ini daripada awak. Saya sekeluarga sihat walafiat. Sebenarnya, saya kagum dengan kesungguhan awak untuk mengkaji tentang permainan tradisional di Malaysia. Permainan tradisional merupakan permainan yang dimainkan oleh generasi leluhur kita sejak dahulu lagi.

Permainan tradisional penting kerana merupakan warisan budaya Malaysia yang tidak bernilai harganya. Permainan tradisional melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa. Sebagai contoh, permainan gasing, wau dan congkak. Tuntasnya, permainan tradisional merupakan warisan leluhur turun-temurun yang seyogia dilestarikan untuk tetapan generasi mendatang.

Dalam konteks yang lain, permainan tradisional dapat dijadikan sebagai alat hiburan untuk mengisi masa lapang. Permainan tradisional seperti layang-layang, tingting dan galah panjang dapat mengurangkan stres dan menyihatkan tubuh badan. Tuntasnya, permainan tradisional merupakan medium hiburan untuk mengisi masa lapang serta mampu menghilangkan stres seseorang.

Selain itu, permainan tradisional juga merupakan produk pelancongan yang menguntungkan negara. Keunikan budaya yang dipamerkan menggamit pelancong luar yang terpegun melihat keunikan tersebut, contohnya Malaysia turut menganjurkan “Festival Wau Antarabangsa”. Memang tidak dapat disangkal lagi bahawa permainan tradisional menjadi salah satu produk pelancongan yang menguntungkan negara kita.

Khulasannya, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh generasi muda kerana kurang mengenali fungsi dan kepentingan permainan tradisional. Sebagai rakyat Malaysia yang menghargai warisan tradisi seharusnya berganding bahu bagi sur dengan tebing dalam usaha mengekalkan permainan tradisional ini.


Harap penjelasan saya ini akan membantu awak dalam menyiapkan penyelidikan itu.
Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Uwais AL-Maleen

Karangan Bahagian A (Jenis Surat)

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan masalah gangguan bekalan air di Kawasan tempat tinggal anda. Sebagai seorang wakil penduduk, tulis sepucuk surat kepada pihak penguasa tempatan untuk mengadukan gangguan bekalan air di kawasan tempat tinggal anda dan cadangkan tindakan yang perlu diambil. Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Rangka Karangan

Isu : Gangguan Bekalan Air

Kehendak Soalan : i) Masalah

ii) Cadangan/tangkah

Format: Surat Kiriman Rasmi

Perenggan 1

Pendahuluan

- Memperkenalkan diri
- Menyatakan tujuan menulis surat

Perenggan 2

Isi 1 : Keadaan kawasan tempat tinggal

- Mengganggu aktiviti memasak
- Mengganggu kegiatan membersih dan membasuh
- Menyulitkan urusan rumah tangga

Perenggan 3

Isi 2 : Kesan gauguan bekalan air

- Memaksa kebanyakan penduduk di kawasan ini untuk makan di luar
- Mengakibatkan berlaku pembaziran wang
- Terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi

Perenggan 4

Isi 3 : Cadangan tindakan yang harus diambil

- Kerap memeriksa dan menggantikan alat pengepaman di loji rawatan air
- Menukarkan paip berkarat dengan paip baharu dari semasa ke semasa
- Menghantar bekalan air yang mencukupi untuk digunakan oleh bilangan penduduk yang besar
- Ketibaan lori-lori pengangkutan air juga perlulah mencapai jadual

Perenggan 5

Penutup

- Harapan
- Penghargaan

Karangan contoh sepenuhnya:

No. 65, Lot 13555,
Jalan Besar Kampung Barn,
Taman Dahlia,
46400 Semenyih,
Selangor Darul Ehsan.

Pengarah,
Jabatan Bekalan Air Selangor,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

[1 APRIL 2021]

Tuan,

Masalah Gangguan Bekalan Air dan Cadangan Tindakan yang Perlu Diambil

Merujuk perkara di atas, sebagai mewakili penduduk Taman Dahlia, saya menulis surat ini bertujuan untuk mengadukan masalah gangguan bekalan air yang menimbulkan banyak kesulitan dalam kegiatan sehari-hari para penduduk di kawasan ini. Di samping itu, saya juga ingin mengetahui beberapa cadangan tindakan yang perlu diambil demi kepentingan penduduk di petempatan ini.

2. Untuk makluman tuan, kami telah menghadapi masalah bekalan air ini sejak seminggu yang lalu. Sebenarnya, kami tidak diberikan sebarang notis tentang gangguan bekalan air ini. Gangguan bekalan air secara tidak berjadual ini sudah tentu menyukarkan penduduk sehingga mengganggu aktiviti harian seperti memasak, membersih dan membasuh serta segala urusan rumah tangga.
3. Kami berharap pihak tuan dapat mengambil tindakan segera demi keselesaan dan kepentingan penduduk di kawasan ini. Antara tindakan yang kami cadangkan ialah kerap memeriksa dan menggantikan alat pengelapan di loji rawatan air. Selain itu, kami berharap pihak tuan dapat menghantar bekalan air yang mencukupi untuk digunakan oleh bilangan penduduk yang ramai di kawasan ini. Kami sangat berharap mutu perkhidmatan pihak tuan dapat dipertingkatkan.

Akhir kata, besar harapan kami agar pihak tuan mengambil tindakan segera supaya masalah air di kawasan kami dapat diselesaikan secepat mungkin. Keprihatinan dan kerjasama daripada pihak tuan, kami dahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

(HAIKAL BIN DAHLIL)
Wakil Penduduk,
Taman Dahlia, Semenyih,
Selangor Darul Ehsan.

Karangan Bahagian A (Latihan 1)

Soalan:

Maklumat di bawah berkaitan dengan perpaduan kaum.

Huraikan pendapat anda tentang **perpaduan kaum**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Ah, kanak-kanak
biar berlainan agama
biar berlainan bangsa
mereka saling bersalam-salaman
dan berpeluk mesra
tanpa menghiraukan adat dan budaya;
membina keakraban tanpa curiga
membentuk perpaduan tanpa prasangka
bersatu hati membentuk jati diri
ke arah wawasan lebih bererti!

Sumber;
Gurindam bertemakan perpaduan

Isu perpaduan kaum merupakan satu usaha berterusan yang perlu dipikul dan dijunjung bersama-sama oleh semua pihak. Sekiranya terlersai ikatan silaturahim dan musnah perpaduan dalam masyarakat, nescaya pelbagai impak negatif akan menimpa masyarakat khususnya dan negara amnya. Antara usaha yang boleh dilakukan dalam mewujudkan negara yang aman dan makmur dalam kalangan rakyat termasuklah menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan sehari-hari, meraikan hari-hari perayaan bersama-sama, saling menghormati dan lain-lain.

Sumber;
Perpaduan Teras Keharmonian Negara

- *Perpaduan teras keamanan negara*
- *Perpaduan teras kemajuan negara*
- *Perpaduan teras kegemilangan negara*



PERPADUAN MENGEKALKAN KEHARMONIAN

Tema : Perpaduan

Tugasan Soalan 1 :	Tugasan Soalan 2 :
Apakah cara-cara memupuk perpaduan kaum di negara ini?	Apakah kepentingan perpaduan kaum di negara ini?
<i>Cadangan idea :</i> 1. Menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan sehari-hari 2. Meraikan hari-hari perayaan bersama-sama 3. Saling menghormati	<i>Cadangan idea :</i> 1. Perpaduan teras keamanan negara 2. Perpaduan teras kemajuan negara 3. Perpaduan teras kegembilangan negara

Karangan Bahagian A (Latihan 2)

Soalan:

Berita dan grafik di bawah berkaitan keselamatan dan kemalangan jalan raya.

Berdasarkan bahan tersebut,uraikan pendapat anda tentang **kemalangan jalan raya di negara ini**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 kata**.



25 Mei 2019

Penunggang motosikal maut selepas melanggar lampu isyarat merah dan berlanggar dengan lori di simpang empat Jalan Persiaran Nusa Sentral, Iskandar Puteri, semalam. Kejadian 3.50 petang itu mengakibatkan penunggang motosikal meninggal dunia di lokasi kejadian manakala pemboncengnya terselamat, namun mengalami kecederaan pada tangan kanan dan kepala.

19 Mei 2020

Dipercayai akibat pemandu mengantuk, seorang lelaki maut apabila lori tiga tan yang sedang dalam perjalanan menghantar barang terbabs ke dalam parit di kilometer 65.7 Lebuhraya Utara Selatan, arah selatan, berhampiran susur kelur Pendang. Mangsa meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah yang dialami manakala pemandunya berusia 30-an parah.

Sumber : Internet



INGAT! KELAJUAN BOLEH MEMBUNUH

TEMA : Kemalangan Jalan raya

Tugasan Soalan :

Apakah faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya?

Cadangan idea :

1. Tidak mematuhi peraturan jalan raya
 - tidak mematuhi lampu isyarat
2. Cuai ketika memandu
 - memandu dalam keadaan mengantuk
3. Tidak mematuhi had laju yang telah ditetapkan ketika memandu
 - memandu terlalu laju dan tidak mematuhi had laju yang telah ditetapkan

Karangan Bahagian B – Esai Respons Terbuka

1. Soalan mengandung empat jenis domain iaitu domain awam, domain peribadi, domain pendidikan dan domain kerjaya. Calon hendaklah pilih dan jawab satu daripada empat soalan.
2. Karangan mestilah memenuhi kehendak soalan/tugasan soalan.
3. Calon seboleh-bolehnya menulis tiga atau empat isi.
4. Jumlah perkataan dalam karangan Bahagian B ini *mestilah* antara 350 hingga 500 patah perkataan. Jangan menulis karangan yang pendek dan kurang daripada 350 patah perkataan atau panjang dan melebihi 500 patah perkataan.
5. Karangan yang tidak cukup jumlah patah perkataan akan menyebabkan *impression* rendah dan karangan yang melebihi jumlah patah perkataan tidak akan dibaca sekali gus menjelaskan *impression* pemeriksa.
6. Karangan cemerlang mestilah menjawab tugas di samping menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai dan berkesan.
7. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, pelikan ucapan, kata-kata hikmah, hadis nabi, terjemahan ayat suci al-Quran dan lain-lain.
8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugas.
9. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan berfikir.
10. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.

STRATEGI MENJAWAB SOALAN

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

30 markah
30 minit

1. Membuat Penelitian (2 minit)

- i. Murid perlu meneliti bahan rangsangan yang dikemukakan.
- ii. Murid perlu memahami dan menentukan perkara yang dikebendaki berdasarkan bahan rangsangan yang dikemukakan.

2. Membuat Perancangan (5 minit)

- i. Murid perlu memikirkan serta menyenaraikan isi-isi yang berkaitan dengan bahan rangsangan tersebut.
- ii. Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 atau 3 isi yang utama berdasarkan bahan rangsangan tersebut.
- iii. Murid perlu menghuraikan perkara-perkara yang tersirat di samping perkara yang tersurat pada bahan rangsangan.

3. Menulis Karangan Berpandu (30 minit)

- i. Murid perlu menulis perenggan pendahuluan.
- ii. Murid perlu menulis isi (sekurang-kurangnya 2 atau 3 isi) dan menghuraikannya.
- iii. Masukkan ungkapan menarik yang sesuai jika perlu.
- iv. Murid perlu menulis penutup atau kesimpulan karangan berpandu.

4. Membuat Semakan (3 minit)

- i. Jumlah perkataan - pastikan jumlah perkataan karangan berpandu ini dipatuhi.
- ii. Jangan tulis kurang atau melebihi had yang telah ditetapkan, iaitu 150 hingga 200 perkataan.

Babagian B: Karangan Umum / Respons Terbuka
70 markah
1 jam 30 minit

1. Membaca Semua Soalan (10 minit)

- i. Baca semua soalan yang dikemukakan dan buat pilihan yang tepat berdasarkan pengetahuan murid tentang soalan tersebut.

2. Membuat Perancangan (10 minit)

- i. Murid perlu memikirkan serta menyenaraikan isi-isi yang berkaitan dengan domain pilihan.
- ii. Murid perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya 3 atau 4 isi yang utama berdasarkan domain dan tugas yang dikehendaki.

3. Menulis Karangan (60 minit)

- i. Murid perlu menulis satu perenggan pendahuluan karangan berserta tema dan tugasannya soalan.
- ii. Murid perlu menulis isi (tiga atau empat isi) berserta isi, huraian, contoh dan penegasan.
- iii. Murid perlu menulis penutup atau kesimpulan karangan berserta cadangan dan harapan.

4. Membuat Semakan (10 minit)

- i. Tiada ayat tergantung, terlalu panjang sehingga maksudnya kabur.
- ii. Gunakan istilah atau perkataan yang sesuai.
- iii. Gunakan tanda baca yang sesuai.

PENGGUNAAN PENANDA WACANA DALAM KARANGAN

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkaian perkataan yang berfungsi mempertalikan sesuatu idea, hujah, dan pandangan seseorang semasa menulis ataupun berucap. Seandainya sesuatu wacana berkenaan tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, akan menyebabkan seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai kesatuan dan pertautan yang lengkap.

A. PERENGGAN PENDAHULUAN

Mulakan karangan dengan kata / frasa berikut;

- a. Akhir-akhir ini,.....
- b. Sejak belakangan ini,.....
- c. Mayapada,.....
- d. Marcapada,.....
- e. Dalam mengejar era modenisasi.....
- f. Pada era globalisasi ini,
- g. Pada zaman pascakemerdekaan ini,
- h. Dalam meniti arus kemodenan ini,
- i. Pada masa ini,
- j. Kimi,
- k. Dasawarsa ini,
- l. Dalam meniti kehidupan pada marcapada,
- m. Sejak sedekad yang lalu,
- n. Sejak negara menikmati arus kemerdekaan,
- o. Belakangan ini,
- p. Sejak akhir-akhir ini,

Akhiri pendahuluan dengan Ayat Fokus menggunakan frasa / penanda wacana berikut :

- a. Sebenarnya, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan
- b. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai cara / usaha / kepentingan / kesan

- c. Persoalannya, apakah cara / usaha / kepentingan / kesan

B. PANDUAN MEMULAKAN PERENGGAN IDEA / ISI

Mulakan ayat utama dengan kata arah soalan seperti berikut;

Antara punca / cara / usaha / kepentingan ialah.....

Punca / cara / usaha / kepentingan yang perlu diperhatiusi ialah.....

Pada pandangan saya, antara punca / cara / usaha / kepentingan ialah.....

Penanda memulakan idea baharu

- a. Selain itu,
- b. Di samping itu,
- c. Sementara itu,
- d. Lebih-lebih lagi,
- e. Dalam pada itu,
- f. Pada hemat saya / Pada pandangan saya,
- g. Pada waktu yang sama,
- h. Dalam pada itu,
- i. Selurusnya,
- j. Pada pandangan saya ...
- k. Pada realiti nya, memang tidak dapat dinasikan bahawa....
- l. Seperkara lagi

Penanda wacana huraian idea karangan

- a. Hal ini dikatakan demikian kerana ...
- b. Hal ini berlaku demikian kerana ...
- c. Hal ini terjadi kerana ...
- d. Hal ini disebabkan oleh ...
- e. Hal ini wujud akibat daripada ...
- f. Hal ini bersangkut-paut dengan ...
- g. Hal ini berpunca daripada ...
- h. Hal ini tercietus apabila ...
- i. Hal ini timbul apakah ...
- j. Hal ini dikatakan demikian kerana ...

Penanda wacana untuk memberikan contoh dalam karangan

- a. Misalnya, /Misalannya,
- b. Contohnya, /Sebagai contoh,
- c. Persis...
- d. Tamsilnya/Sebagai tamsil...
- e. Sebagaimana yang kita sedia maklum,
- f. Antaranya adalah seperti...
- g. Menepati aforisme klasikal Melayu, iaitu...
- h. Ghalibnya,
- i. ..., bak

Perkataan yang boleh digunakan untuk menggabungkan dua huraian dalam satu ayat: Contoh:
Masalah sosial yang dibincangkan oleh masyarakat ini memang memeningkan kepala (*Huraian 1*) ~ menumbangkan semua pihak. (*Huraian 2*)

- a. justeru
- b. malah
- c. malahan
- d. tambahan pula
- e. semenefelahan
- f. sekali gus
- g. di samping
- h. bahkan
- j. ironinya

Penanda wacana menerangkan huraian atau pendapat yang berbeza

- a. Walau bagaimanapun,
- b. Namun demikian,
- c. Daripada perspektif yang berbeza,
- d. Jika dilihat dari sudut lain,
- e. Dengan kata lain,
- f. Kontradiksinya,
- g. Di sebalik itu,
- h. Dalam pada itu,
- i. Dari sudut lain

Frasa untuk memulakan atau memasukkan peribahasa / ungkapan menarik

- a. ..., bak kata peribahasa ...
 - b. ..., hak kata peribahasa Melayu...
 - c. ..., bak kata orang tua-tua...
 - d. ..., bak kata mutiara...
 - e. ..., bak peribahasa...
 - f. ..., bak kata cendekiawan
 - g. Persis kata peribahasa,
 - h. Persis kata peribahasa Melayu,
 - i. Persis kata orang tua-tua,
 - j. Persis mutiara kata,
 - k. Persis peribahasa,
 - l. Persis kata cendekiawan,
 - m. Hal ini menepati peribahasa ...
 - n. Scenario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni ...
 - o. Fenomena ini dikatakan menepati peribahasa
 - p. Masalah ini sama dengan peribahasa ...
 - q. Saya yakin rakyat Malaysia mengenali peribahasa ...

Frasa untuk untuk menyatakan statistik

- a. Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh didapati sebanyak...
 - b. Bukti yang jelas dan terkini yang berkaitan dengan perkara ini menunjukkan bahawa...
 - c. Statistik yang sahul lagi tepat telah dikeluarkan oleh Kementerian pada tahun menunjukkan bahawa sebanyak...


Penanda wacana penutup idea (Ayat Simpul / Ayat Penegar) bagi setiap perenggan isi:

- a. Natijahnya,
 - b. Kesannya,
 - c. Akibatnya,
 - d. Akhirnya,
 - e. Dengan itu,
 - f. Dengan berbuat demikian,
 - g. Dengan keadaan sedemikian,
 - h. Jelaslah / Izharnya...
 - i. Ringkasnya,
 - j. Tegasnya,
 - k. Oleh itu,
 - l. Sebab itulah,
 - m. Oleh hal yang demikian,
 - n. Sesungguhnya, / sememangnya,
 - o. Impaknya,
 - p. Implikasinya,
 - q. Hal ini mengakibatkan...
 - r. Hal ini menyebabkan...
 - s. Oleh itu,
 - t. Memang tidak disangkal / dimafikan bahawa...
 - u. Oleh hal yang demikian,
 - v. Oleh sebab itu,
 - w. Jelaslah bahawa...
 - x. Justifikasinya,
 - y. Sudah terang lagi bersuluh...
 - z. Siang bagai hari, terang bagai bulan...

C. PANDUAN MENULIS PERENGGAN PENUTUP

Mulakan ayat perenggan penutup dengan kata berikut;

- a. Kesimpulannya,
- b. Secara tuntas,
- c. Intihanya, / Sebagai intiha,
- d. Sebagai akhir kalam / Akhir kalam / Akhirukkalam,
- e. Konklusinya,
- f. Secara totalnya,
- g. Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan bahawa...
- h. Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa ...
- i. Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, jelaslah bahawa ...
- j. Ringkasnya, jelaslah bahawa ...
- k. Kenyataan-kenyataan tersebut menunjukkan bahawa...



...keperibadian sesebuah masyarakat dapat dicerminkan melalui ketinggian budi bahasa	..Itati ibu bapa ibarat kristal, cantik tetapi mudah pecah
..sesiapa yang melupai sejarah pasti akan mengulanginya (<i>pemikir Barat- George Santayana</i>)	..Sesuatu pertandingan bukan sekadar untuk menguji siapa yang lebih kuat tetapi untuk mencari perselisihan (<i>David Antoch</i>)
...banya dengan undang-undang yang tegas dapat mengawal tingkah laku manusia (<i>falsafah Cina</i>)	..Kenyataan ini dijelaskan melalui hadis nabi Muhammad SAW yang bermaksud, "Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihai saudaranya lebih daripada dia mengasihai diri sendiri."
...semiskin-miskin manusia ialah manusia yang tidak berbudi bahasa (<i>Profesor Humka</i>)	..Semua tingkah laku anak-anak ialah bermula dari rumah (<i>Franklin D. Roosevelt</i>)
...kita bukannya mewarisi alam flora dan fauna ini daripada nenek moyang kita tetapi kita meminjamnya daripada anak-cucu kita...(<i>Mahatma Ghandi</i>)	Disiplin merupakan satu teras ke arah pembangunan akal budi manusia yang baik melalui peraturan-peraturan pada setiap tempat dan ketika- (<i>Ibnu Khaldun</i>)
..keperibadian sesebuah masyarakat dapat dicerminkan melalui ketinggian budi bahasa yang terdapat dalam masyarakat tersebut – (<i>Durey Riberio</i>)	Manusia akan dibentuk atau dicerakkan oleh persekitarannya (<i>Imam al-Ghazali</i>)
...berikan aku 100 orang tua, akanku gegarkan banjaran Himalaya-berikan aku sepuluh perwira pastikanku guncangkan dunia itu... (<i>Soekarno</i>)	"Seribu bahasa kita bicara, manakan sama bahasa bonda". (<i>Puisi Bahasa Bonda oleh Sasterawan Negara, Usman Awang</i>)

... “ berikan aku 100 orang pemuda, nescaya aku akan guncangkan dunia ini tetapi sekiranya aku diberikan 1000 orang tua, nescaya tewaslah aku ”, begitulah kata-kata bersemangat yang pernah dilontarkan oleh Bung Karno mantan Presiden agung Indonesia.	Perdamaian dan kesejahteraan hidup tidak dapat dicapai dengan kekerasan, tetapi sebaliknya dengan pengertian... (Albert Einstein) Anak-anak yang bermasalah datangnya daripada keluarga yang bermasalah (Peterson)
...Jangan hentikan usaha mulia, sebagai hasilnya belum dikecapi (William Shakespeare)	Amalan tidur pada waktu tengah hari sekadar 15 hingga 20 minit mencukupi untuk mengembalikan tenaga dan menjaga kesihatan (pokar tidur dari Cornell Universiti, Dr. James Maas)
...Jika kamu tidak mampu menjadi garam yang menyelamatkan ikan, janganlah pula menjadi lalat yang memusnahkan ikan.	..Kita tidak boleh mengubah dunia sekiranya kita gagal mengubah diri kita sendiri.
...Peranan setiap rakyat sangat besar unpanna sebatang paku, tanpa paku, ladang kudu tak dapat dipasang dan maklumat takkan dapat dihantar dan akibatnya kalah dalam peperangan.	...Apalah gunanya mempunyai barta yang bertimbun sedangkan kita hanya mampu berbaring di katil.
Kemencyan sebesar lutut pun jika tidak dibakar, tidak akan berbau	Rakyat Malaysia kini tercalar moralnya, tercabar martabatnya dan tersasar darjatnya....
Sabda Rasulullah SAW bermaksud : Ahdik yang tinggi boleh menghapuskan kesalahan seperti matahari yang mencairkan air yang helu...	Sesungguhnya kesedaran dan kerjasama dalam masyarakat dapat mengurangkan indeks jenayah negara
...Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa ...Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah tiada bandingan	Buktinya kejayaan Azizulhasni Awang, pelumba basikal trek negara yang baru-baru ini menjemput sebutir pingat emas kepada Negara di Temasya Sultan Asia di Guangzhou, China.
Mengikut jam biologi, manusia perlukau tidur demi melapangkan minda setelah penat bekerja pada siang hari tetapi jika terlebih tidur menyebabkan diri pemalas dan hanya bertemankan mimpi-mimpi yang belum pasti.....	Kajian oleh KPM menunjukkan dua pertiga responden dalam kalangan pelajar melupai sejarah negara. Hal ini amat parah sehingga mereka tidak mengelakui tarikh kemerdekaan negara.
..Benih yang bernas apabila jatuh ke laut menjadi pulau, terlontar ke udara menjadi kejora dan jatuh ke bumi menjadi penawar.	-Sumber media massa bahawa hampir 40 peratus rakyat di negara ini mengalami masalah kegemukan/obesiti
Pada usia emas, ibu bapa sangat dahagakan perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak	Maka, tidak hairanlah jika pendapat Syed Naquib al-Attas disekong oleh ahli falsafah Barat, iaitu Richard Sullivans kerana memang benar bagi mewujudkan negara yang bertamadun, rohani rakyatnya haruslah dilengkapi dengan nilai kesyukuran...
Jika kita jatuh sekali, kita harus bangun lapan kali (pepatah cina)	...Sesungguhnya langit Malaysia akan dicerakkan dengan warna-warni kejayaan rakyatnya...

Jadilah anak-anak yang menjadi penyentuh hati ibu dan bapa bukannya pembakar api kemarahan mereka...	-Badan yang sihat merupakan kamar tawu bagi jiwa manakala badan yang sakit merupakan kamar penjara.... <i>(Francis Bacon)</i>
Firman Allah bermaksud : Wahai orang-orang yang heriman, hendaklah kamu menjaga kedua-dua orang tuamu apabila liba masa tua mereka, dan janganlah kamu meninggikan suara terhadap mereka walaupun dengan perkataan “UH”...	-Konsep 1Malaysia yang digagaskan merupakan satu wahana yang konkret dan pragmatik -Melalui Konsep 1Malaysia-sempadan kaum dapat dipecahkan
Kebesaran sesebuah negara bukananya terletak kepada luasnya wilayah negara tersebut tetapi bergantung kepada watak masyarakatnya (<i>pemikir Barat</i>)	... Kita semestinya tidak mahu peristiwa hitam, iaitu rusuhan kaum pada 13 Mei, 1969 yang menjadi igauan seluruh rakyat Malaysia berulang kembali....
Jika kita ingin hidup sebulan, tanamlah jagung, jika ingin hidup 10 tahun tanamlah pokok, jika ingin hidup kekal tanamlah manusia (<i>kepentingan pendidikan</i>)	... Negara pernah digemparkan dengan isu seorang pelajar Namawee yang cuba mengubah irama dan lirik lagu Negaraku-tidak patlodik.
..Seseorang itu akan dicemuh jika melakukan sesuatu tindakan tetapi akan tetap dicemuh jika tidak melakukan apa-apa....	Jadikan semangat Datuk Nicol Ann David yang mengharumkan nama negara di persada dunia
Kita tidak mewarisi negara daripada pemimpin terdahulu tetapi kita meminjamnya daripada generasi akan datang (<i>Mahatma Ghandi</i>)	Muak sekali apabila terpampang di dada-dada akhbar yang sering kali memaparkan kes pembuangan bayi, kes buli malah kes kecurian dalam kalangan murid....
Kebesaran sesebuah negara itu bukanlah diukur berdasarkan keluasan daerahnya tetapi watak masyarakatnya....	Petanda runtuhanya sesiapa bangsa itu ialah apabila bangsa tersebut mulai mencintai biburan(<i>centekawan Islam</i>)
...Kerana kedua-dua ibu bapalah, kita mampu berdiri megah di dunia ini...	... Rakyat yang menjadi organ dalam entiti masyarakat Malaysia
Undang-undang dicipta untuk mewujudkan masyarakat yang harmonis (<i>Legalisme</i>)	Kesihatan- Makan pagi seperti raja, makan petang seperti orang biasa dan makan malam seperti orang miskin-(<i>pepatah Inggeris</i>)
...Sesungguhnya nikmat sihat itu berada pada orang yang sakit	..tidur ialah salah satu cara untuk menyusun kembali data-data yang dicipta dan dimasukkan ke otak (<i>Kardikal Aledo Ottarioho</i>)
...Sebagai tonik untuk membentuk murid berdisiplin	...Sesungguhnya kecantikan yang abadi bukanlah diihat daripada perhiasan yang dimegah-megah tetapi keluhuran budi yang direndah-rendah...
..Batu yang keras, air pelekuknya manakala hati yang keras lidah pelembutnya....	Dalam nada yang berbeza tetapi menjurus kepada matlamat yang sama...

...Jangan sekali-kali membenarkan madu menjadi hembedu..	Sebuah kehidupan ibarat permainan catur, siapa yang dapat pandang ke hadapan, dia lah akan menang (Syney Charles Buxton)
Jikalau muh jernihkan air di muara mulakan di buhunya (peranan ibu bapa mendidik anak-anak)	Sekali pencegahan lebih baik daripada seribu rawatan (peratah Arab)
Gas karbon dioksida, karbon monoksida, sulfur monoksida dan nitrogen oksida ni menerangkap haba dan mengelakkannya di atmosfera bumi..	Apabila seseorang itu melancang dan melihat sesuatu yang baru, tekanan akan dilupakan seketika dan pasti akan ditopaktai selepas itu (Paralembang-ahli psikologi)
Wang boleh membeli rumah tetapi bukannya kebahagiaan, wang juga mampu membeli katil tetapi bukannya kelenaan tidur...	Walau pun beribu-ribu kapal tenggelam di tengah lautan, namun cita-cita manusia tak pernah padam (Hamka)
...ikan blar dapat, serampang jangan pokok	“Kita hidup dengan apa-apa yang kita dapat tetapi kita membina kehidupan dengan apa-apa yang kita beri”
...Perkara yang sudah berlaku merupakan pengalaman, yang sedang berlaku merupakan eksperimen dan yang bakal terjadi merupakan harapan...	Kejayaan itu pahit di akarnya tetapi manis di buahnya...
Tunjuk menjadi telaga budi, ajar menjadi suluh bati	Erat – bagi gelung dengan asahan
Marahlah mereka satu kali dan pujiyah mereka sepuluh kali	Ibu bapa merupakan suri teladan dan nakhoda dalam pelayaran
...usaha yang konkret dan konsisten	Kayu yang lengkok tidak akan menghasilkan bayang-bayang yang lurus...
Mencari sahabat sejati umpama mencari permata di dalam timbunan kacu...	...tangani secara bijaksana segala masalah yang bernukim/bersarang di sikirau kita...
Sesungguhnya tiada simpanan tidak boleh diurai dan tiada lajak tidak boleh diundurkan...	“Berilmu tanpa analis sia-sia tetapi berilmu dengan menggunakan babasa kebangsaan mampu mengangkat nama negara di persada dunia”
Jika satu pintu tertutup, pasti ada pintu lain yang akan terbuka-membuktikau bahawa setiap kemelut dihadapi pasti ada jalan penyelesaiannya (Alex Osborn/Graham Olert-tokoh Barat)	“Buat baik janganlah hanya sekali tetapi berbuat jahat cukuplah sekali” (Mahatma Gandhi)
Selangkah ke perpustakaan sejuta ilmu kita peroleh	Harta apabila diperdagangkan akan berkurang tetapi ilmu apabila diperdagangkan akan bertambah
Keluarga bahagia, masyarakat gembira Keluarga punah, masyarakat musnah	Lampu ajaib Alladin tidak akan bersinar sendiri sebaliknya Alladin yang menggosoknya terlebih dahulu (Alex Osborn)
Lidah pendeta pernah menyebut, pemilihan sahabat yang betul mampu mencorak peribadi tuhur...	Gantunglah cita-citamu setinggi bintang, andai tersasar, kamu masih tinggi di langit!

Sabda nabi saw. Bermaksud, "Sahabatku umpama bintang-bintang di langit "	...Jika kamu jatuh kali ketujuh, bangunlah untuk tidak jatuh kali kelapan...
Kawan sejati sentiasa bersama umpama cubit paha kiri, paha kanan terasa	Pendidikan mampu mengubah alam ini (<i>Pujangga Yunani</i>)
Teman ketawa senang dicari tetapi teman menangis sukar didapati...	Lihat sahajalah anak-anak muda di Palestin, mereka menggunakan kudrat menentang tentara Yahudi tetapi penudar-penudar anak watan Malaysia menggunakan kudrat untuk membeli tiket Justino
Perkongsian intelek ini...	"Disiplin pertama, akademik utama"
dibakar tidak bangus, direndam tidak basah ditetak tidak putus (maksud perpaduan)	Jadilah remaja yang cemerlang, ibarat mulira yang tersimpan di lautan dalam menjadi rebutan serta sanjungan
Sesusun bak sirib, serumpun bak serai, sekit bak lembing dan sedencing bak besi (maksud perpaduan)	Hindarkan perasaan gemuruh di gelanggang musuh
Guru, jasamu disanjung, budimu dijunjung	Bala : Perlu bergerak mencipta ruang dan membuat peluang...
"scutuhan magik"	Pusat Sumber itu sebagai lubuk akal dan lautan ilmu...
Kekayaan yang hilang boleh dicari dengan usaha yang bersungguh-sungguh, Kesibatan yang hilang boleh diubati tetapi masa yang hilang akan terus hilang....	Rumah itu merupakan universiti pertama buat anak-anak, dan ibu bapa ialah profesornya...(<i>Profesor Diraja Ungku Aziz</i>)
Ibu bapa merupakan warna dan anak-anak merupakan banner, lalu ibu bapalah yang menetrakkan anak-anak mereka....	19 peratus daripada rakyat Malaysia ialah obes 2.5 juta daripada rakyat Malaysia mengidapi masalah jantung
Sayangi jiran anda / jiranku, jiranmu juga...	...Hal ini walau bagaimanapun menuntut usaha daripada pelbagai pihak kerana jika secawan air tawar dicurahkan ke laut tidak akan dapat menghilangkan masinnya...
Hakikatnya terdapat beberapa perencahan dalam memupuk semangat kejiranan...	Manusia dicipta untuk saling melengkapi bukannya untuk menyendiri
Selari dengan kecanggihan TMK, kerajaan mampu menggalakkan kempen kejiranan dengan pantas dan berkesan melalui aplikasi seperti wechat, facebook, whatsapp, instagram dan lain-lain...	Jika banyak tangan yang menghulur, maka ringankan beban yang dipikul
Prakarsa ini cukup ampuh bagi menyemai nilai murni ini...	..beringat-ingatlah sebelum nasi menjadi buher, sebelum harapan menjadi kabur
....Sambutan pelbagai perayaan merupakan perluhan keemasan yang seyoga digunakan oleh rakyat Malaysia dengan sebaik-baik mungkin untuk menziarahi antara satu sama lain...	Individu yang menguasai pelbagai bahasa dapat menguasai dunia
Apa-apa yang kita berikan kepada jiran ialah apa-apa yang kita peroleh daripada jiran (<i>Profesor Hanafi</i>)	Adab dan sopan berpuncak daripada kasih sayang tanpa had...

Jiran yang baik merupakan harta yang tidak bernilai (<i>bidan Cina</i>)	Anak-anak bagaikan permata, selagi tidak digilap selagi itulah tidak berharga...
..dapat menekankan semangat kejiranan..	Kesempatan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat perbaikan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu
Akhlaq yang buruk umpsama cuka yang merosakkan madu (<i>Ibnu Khaldun</i>)	Kita tidak boleh mencipta pengalaman, kita harus menghadapinya (<i>Albert Camus</i>)
Tuntusnya, semua pihak mestilah membanting tulang dan mengeruh keringat mereka dalam memupuk semangat kejiranan yang kian lusuh. Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat	Hargailah harta yang diwarisi kamu kerana kamu akan mencari-cari apabila sudah tiada (<i>Richard Sullivan</i>)
Jiran-jiran boleh dianalogikan sebagai awan yang melindungi bumi daripada cabaya matahari	Guru merupakan sebuah gedung ilmu (<i>Mahatma Gandhi</i>)
Satu saat kita marah, kita telah kehilangan perasaan gembira selama satu minit..	Janganlah kita sudah terhantuk baru tengadah, apabila nasi telah menjadi buhr kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
Prakarsa pragmatik, keterbilangan dipetik	Aforisme klasikal Melayu
Hubungan kasih sayang yang kukuh dalam keluarga akan membantu alii keluarga dalam menghadapi stres yang boleh memecahbelahkan institusi keluarga (<i>Pakar Psikologi Perancis-Hans Einstein</i>)	Tepat sekali analisis politik antarabangsa yang merumuskan dalam setiap sengketa, dalam setiap bencana, dalam setiap konflik memang ada yang merana dan binasa. Di sebalik kehancuran tersebut, ada pula yang membina istana.

**PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B
KARANGAN RESPONS TERBUKA**
[70 markah]
[Masa dieadangkan : 1 jam 30 minit]

AKTIVITI 1: MENTAFSIR SOALAN

A. PANDUAN MEMAHAMI SOALAN KARANGAN RESPON TERBUKA

1. Baca arahan dengan teliti.
2. Baca semua soalan.
3. Pilih soalan berdasarkan pengetahuan, pemahaman dan keupayaan anda.
4. Kenal pasti isu, pernyataan soalan dan arahan soalan.

B. KONSEP MENTAFSIR SOALAN KARANGAN [STAF]

- | | |
|------------------|--|
| 1. Siapa | - Dimensi yang terlibat |
| 2. Tema | -- Topik dalam soalan |
| 3. Arahan soalan | -- Kehendak soalan yang berkaitan dengan tugas |
| 4. Format | - Jenis karangan berformat / Perbincangan |

C. CONTOH MENTAFSIR SOALAN

Contoh Item Domain Awam dan Pendidikan:

"Pembacaan buku meningkat ketika ini diukur melalui penjualan buku dalam talian khususnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun, kalau ada penjual buku kata penjualan mereka meningkat, itu bukanlah bermaksud berlakunya peningkatan dalam amalan pembacaan itu sendiri. Keadaannya begini kalau orang yang sudah biasa membaca mereka akan tetap mencari bahan untuk bacaan mereka."

*Mutalib Uthman
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Kota Buku (PKB)
Sinar Harian, 13 Mei 2020*

Gambaran di atas menunjukkan maklumat yang berkaitan dengan amalan membaca dalam kalangan masyarakat pada masa ini.

Huraikan cara-cara memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Siapa	Pelbagai pihak / Masyarakat
Tema / Tajuk / Topik	Amalan membaca
Arahan soalan	Cara-cara memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat
Format	Tiada

AKTIVITI 2: MENULIS PENDAHULUAN**A. PANDUAN PENDAHULUAN**

Dua perkara yang perlu ada dalam perenggan pendahuluan:

1. Tema / isu soalan : menyatakan dengan jelas tentang tema / isu soalan yang akan dibincangkan.
2. Arahan soalan : menyatakan kata kunci perbincangan pada ayat terakhir.

B. TEKNIK MENULIS PERENGGAN PENDAHULUAN [TIPA]

- | | |
|-------------------------|---|
| 1. Tema | = membina ayat tema yang terdapat dalam soalan. |
| 2. Isu semasa | = huraian tema melalui pelbagai isu semasa yang berkaitan sama ada peristiwa terkini, sejarah lampau, statistik, dan lain-lain. |
| 3. Persoalan | = membina ayat tanya bagi tujuan rangsangan kepada penulisan. |
| 4. Arahan soalan | = membina ayat tugasan yang bersifat kepada kata kunci soalan. |

C. CONTOH MENULIS PERENGGAN PENDAHULUAN

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIJAN
Tema	Dewasa ini,	amalan membaca semakin diabaikan disebabkan perkembangan teknologi terutamanya penciptaan komputer dan telefon.
Isu semasa	Menurut kajian,	rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun sedangkan membaca jumbatan ilmu.
Persoalan	Sejauh manakah	kita sedar kepentingan pembentukan rakyat yang berilmu pengetahuan.
Arahan soalan	Sebenarnya	banyak modus operandi perlu dilakukan bagi memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

AKTIVITI 3: MENGHURAI PERENGGAN ISI**A. PANDUAN MENGHURAI ISI / IDEA**

Dua perkara yang perlu ada dalam perenggan pendahuluan:

1. Cadangkan tiga atau empat isi yang matang mengikut kriteriaan.
2. Huraian isi perlu menyentuh tiga perkara iaitu punca, langkah dan kesan.
3. Penggunaan contoh dan angkapan menarik yang sesuai dan berkesan.

B. TEKNIK MENULIS PERENGGAN ISI [ISCAP]

- | | |
|---------------------|---|
| 1. Isi | = Ayat menyatakan idea mengikut kriteriaan dan perlulah relevan dengan tugasan. |
| 2. Sebab | = Ayat menghuraikan alasan yang munasabah berkenaan idea yang dipilih. |
| 3. Cara | = Ayat mengukuhkan huraian melalui tindakan yang perlu dilakukan terhadap idea. |
| 4. Akibat | = Ayat kesan atau impak kepada tindakan yang dilakukan terhadap idea. |
| 5. Penegusan | = Ayat simpul sebagai rumusan perbincangan terhadap sesuatu idea. |

C. CONTOH MENULIS PERENGGAN ISI**i) peranan ibu bapa memupuk budaya membaca**

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / Idea	Idea paling utama ialah	ibu bapa memainkan peranan yang signifikan untuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.
Sebab	Hal ini dikatakan demikian kerana	menurut Conficious, "keluarga merupakan unit asas pembentukan masyarakat".
Cara	Sebagai contoh	ibu bapa perlu menunjukkan teladan yang baik kepada anak seperti membaca buku bersama dengan anak. Ibu bapa juga boleh membeli bahan bacaan untuk anak supaya dapat meningkatkan minat anak tentang pembacaan.
Akibat	Implikasinya	amalan membaca ini akan dicontohi oleh orang lain apabila dilihat oleh mereka.
Penegasan	Jelas terbukti bahawa	ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk amalan membaca.

ii) tanggungjawab pihak kerajaan secara menyeluruh

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / Idea	Jika ditelurusi,	peranan kerajaan dalam memupuk amalan membaca juga tidak boleh disisihkan.
Sebab	Hal ini disebabkan oleh	pihak kerajaan mempunyai modal dan peruntukan yang banyak untuk menganjurkan sesuatu program.
Cara	Misalnya,	pihak kerajaan boleh mengadakan kempen yang berkenaan seperti "Mari Membaca Malaysia" dan "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya" kerana dapat memupuk amalan membaca.
Akibat	Kesannya,	penganjuran pameran buku merupakan salah satu cara untuk menarik minat masyarakat Malaysia. Bagi golongan miskin, kerajaan boleh memberikan buku secara percuma supaya golongan miskin juga boleh mendapat pengetahuan yang banyak.
Penegasan	Izharnya,	pihak kerajaan haruslah melakukan banyak usaha supaya amalan ini dapat dipupuk dalam diri masyarakat sebelum nasi menjadi bubur.

iii) tugas pihak sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / Idea	Selain itu,	pihak sekolah juga menggalas tanggungjawab yang besar untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.
Sebab	Sudah terang lagi bersuluh,	guru sebagai insan yang penting bagi mengajar pelajar supaya mengamalkan amalan membaca.
Cara	Sebagai contoh	pihak sekolah perlu menganjurkan program "NILAM" supaya dapat menggalakkan pelajar. Pihak sekolah mengadakan pertandingan membaca dan memberi hadiah atau wang tunai.
Akibat	Implikasinya	pada mulanya mungkin pelajar menyertai pertandingan untuk mendapatkan hadiah tetapi lama-kelamaan mereka akan menimbulkan minat tentang amalan membaca.
Penegasan	Oleh hal yang demikian,	usaha-usaha untuk menggalakkan amalan membaca yang lebih sistematik dan teratur dapat membentuk pelajar yang suka membaca dan menjadi insan yang cemerlang pada masa depan.

iv) kerjasama pihak swasta menitikberatkan budaya membaca

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / idea	Tambahan pula,	syarikat penerbitan buku, majalah dan surat khabar turut mempunyai tanggungjawab yang besar.
Sebab	Hal ini dikatakan demikian kerana	masyarakat generasi ini lebih tertarik dengan dunia hiburan kerana di mana ada gula, di situ ada semul.
Cara	Contohnya,	syarikat penerbitan seperti New Straits Time dan Berita Harian dapat membuat tajaan di sekolah agar menjadi bahan bacaan. Penerbit stesen televisyen juga perlu mengadakan satu program berkaitan amalan membaca.
Akibat	Sebagai akibat	rakyat yang cetek ilmu dapat menyedari kepentingan amalan membaca.
Penegasan	Jelas terbukti bahawa	sebagai pihak media yang prihatin, usaha-usaha perlu dilakukan supaya dapat memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat agar Malaysia terus maju seiring dengan arus globalisasi.

AKTIVITI 4: MENULIS PERENGGAN PENUTUP**A. PANDUAN MENULIS PERENGGAN PENUTUP**

Dua perkara yang perlu ada dalam perenggan pendahuluan:

1. Menyatakan cadangan yang berkaitan tema / isu perbincangan
2. Menyatakan harapan yang mungkin berlaku sama ada untuk diri, keluarga, masyarakat atau negara

B. TEKNIK MENULIS PERENGGAN PENUTUP [ACAH]

1. **Arahan soalan** = menyatakan semula tugasannya yang telah dibincangkan
2. **Cadangan** = memberikan cadangan penambahbaikan yang menyeluruh berkaitan tema dan bukannya idea baharu perbincangan
3. **Amaran** = menyatakan impak sekiranya cadangan yang diberikan tidak dilaksanakan terhadap pelbagai pihak
4. **Harapan** = menjelaskan kemungkinan kebaikan yang akan diperoleh sekiranya cadangan dilaksanakan

C. CONTOH MENULIS PERENGGAN PENUTUP

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Arahan soalan	Kesimpulannya,	banyak kepentingan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.
Cadangan	Semua pihak hendaklah	membudayakan amalan membaca supaya dapat melahirkan cendekiawan dan membantu negara kita menjadi negara yang maju.
Amaran	Sekiranya	amalan membaca terus diabaikan maka tidak mustahil generasi akan datang akan menjadi buta huruf.
Harapan	Oleh itu,	diri sendiri khususnya golongan pelajar harus sedar tentang kepentingan amalan membaca kerana dapat membawa perubahan kepada masyarakat dan menjadi bakal peneraju negara kita.

LATIHAN PENGUKUHAN

Contoh Item Domain Peribadi:

Pada awal pengenalan produk sejuk beku kepada umum, ramai pengguna yang mempersoalkan soal kualiti kesegaran produk tersebut. Rata-rata antara pengguna menyatakan bahawa kandungan nutrien produk sejuk beku akan hilang jika disimpan terlalu lama dalam suhu yang rendah. Akan tetapi, perkembangan teknologi dan pelbagai kajian telah dijalankan sama ada dari pihak kerajaan atau badan berkaitan mengenai kesihatan produk sejuk beku bagi memastikan bahawa produk sejuk beku selamat untuk dimakan malah kandungan lemak yang terdapat didalamnya juga terkawal.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan kelebihan makanan sejuk beku yang kita belum tahu.

Bincangkan sebab-sebab kita perlu makan makanan sejuk beku.

Cadangan jawapan:**Mentafsir soalan: [STAF]**

Siapa	Diri / Individu
Tema / Tajuk / Topik	Makanan sejuk beku
Arahan soalan	Sebab-sebab kita perlu makan makanan sejuk beku
Format	Tiada

Perenggan pendahuluan: [TIPA]

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Temu	Dasawarsa ini,	
Ibu semasa	Hal ini terciptas apabila	pembekuan tidak menjelaskan kiraan kalori, kandungan serat, atau jumlah mineral. Pembekuan juga tidak mengubah jumlah lemak, protein, karbohidrat atau gula.
Persoalan	Persoalannya,	sejauh manakah pengguna laju tujuan sebenar menggunakan produk sejuk beku dalam kehidupan scharian?
Arahan soalan	Sebenarnya,	terdapat banyak sebab dan kelebihan yang akan diperoleh melalui penggunaan makanan sejuk beku kini.

Perenggan isi: [ISCAP]**i) bebas daripada perasa / perisa / pengawet**

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / idea	Antara sebab utama iaalah	produk sejuk beku dijamin bebas daripada perasa, perisa atau pengawet yang berisiko.
Sebab	Hal ini disebabkan oleh	rasa makanan yang diproses tidak begitu enak kerana hanya garam yang merangsang selera kita. Garam juga termasuk dalam makanan yang diproses untuk meningkatkan warna dan membantu mengikat bahan-bahan.
Cara	Misalannya	makanan beku tidak memerlukan pengawet dan ia hanya terus dibekukan sehingga kita ingin memakaminya.
Akibat	Sebagai akibat	
Penegasan	Jelaslah bahawa	produk yang bebas daripada perasa, perisa atau pengawet boleh didapati pada makanan sejuk beku.

ii) tiada / mengelakkan pembaziran

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / idea	Meniti dari mulut ke mulut bahawa	penggunaan makanan sejuk beku mampu mengelakkan pembaziran juadah atau bahan mentah.
Sebab	Hal ini dapat dibuktikan	melalui satu kajian, tujuh daripada 10 isi rumah akan sentiasa membuang sehingga 20 item makanan sogar atau makanan sejuk ke dalam tong sampah setiap bulan.
Cara	Misalnya	makanan sejuk beku boleh dianggarkan serta mudah disimpan dan digunakan. Kita hanya perlu memasak bahagian yang diperlukan dan menyimpan yang selebihnya.
Akibat	Kesananya jelas untuk	kita menjadi pengguna yang bijak dan amalan ini baik untuk didilkan anak-anak di rumah.
Penegasan	Oleh itu,	

iii) mudah dan cepat untuk disediakan

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / idea	Seterusnya,	seseorang lebih gemar menggunakan barang sejuk beku kerana mudah dan cepat untuk disediakan.
Sebab	Hal ini menunjukkan bahawa	
Cara	Tumsilnya,	penyediaan bahan untuk memasak lebih ringkas dan ada juga makanan sejuk beku yang boleh dimakan terus seperti aiskrim.
Akibat	Kebaikannya	masa itu emas dan perlu digunakan secara berhemah untuk menguruskan hal-hal lain atau berhat.
Penegasan	Sudah terang lagi bersuluh	masyarakat yang berminat dengan makanan sejuk beku adalah disebabkan penyediaannya yang mudah dan cepat.

iv) memberikan pengalaman baharu yang menyeronokkan

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Isi / idea	Akhir sekali,	tidak disangkal lagi penggunaan makanan sejuk beji dapat memberikan pengalaman baharu yang menyeronokkan.
Sebab	Hal ini dikatakan demikian kerana	kita dapat pelbagai resipi masakan mengikut kreativiti sendiri.
Cara	Sebagai contoh	
Akibat	Buktinya,	masakan lebih sedap dan menarik perhatian seperti seorang tukang masak profesional.
Penegasan	Tegasnya,	pengalaman baharu yang menyeronokkan dapat dialami oleh pengguna produk sejuk beku.

Perenggan penutup: [ACAH]

JENIS AYAT	PENANDA WACANA	HURAIAN
Arahan sealan	Konklusinya,	
Cadangan	Seiap individu mestilah	terbuka minda untuk menerima perubahan corak hidup yang lebih ringkas melalui peluang yang ada.
Amaran	Sekiranya	kita tidak berani mencuba makanan sejuk beku maka tugasan harian memasak akan menambahkan kerana alah bisa tegat biasa.
Harapan	Semoga	kesihatan akan lebih terjamin bagi menjalani hidup yang lebih sihat dengan pemilihan makanan sejuk beku yang tepat.

TEKNIK 1 – IMBUP

DOMAIN AWAM

Pada masa ini, penggunaan laman sosial amat popular di Malaysia. Laman sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya mendapat perhatian masyarakat di negara ini. Laman sesawang rangkaian sosial tersebut telah menjadi trend dalam kehidupan masyarakat masa ini. Masyarakat kini telah menjadikan penggunaan laman sosial dalam Internet ini sebagai medium untuk mengisi kekosongan waktu mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kecanggihan aplikasi yang terdapat dalam laman sosial menarik perhatian masyarakat di Malaysia.

Sumber : Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan dengan media sosial.
Tuliskan satu rencana tentang manfaat media sosial kepada masyarakat.

Cadangan skema:

Kehendak tugas: format rencana

Tajuk:

Penulis:

Murid dapat menulis rencana tentang kebaikan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat.

1. Sumber informasi terkini
2. Menggerakkan hubungan kekeluargaan / persahabatan
3. Peluang menjana pendapatan
4. Menjimatkan kos

Contoh pendahuluan:

Pada era ledakan maklumat hari ini, isu (tema) kerap kali terpampang di dada-dada akhbar atau tersiar di media elektronik. Isu (tema) ini bukan sahaja telah menjadi bualan masyarakat malahan telah mendapat perhatian oleh pemimpin-pemimpin masyarakat. Persoalannya, mengapakah isu ini berlaku? Hal ini perlu diambil perhatian serius oleh semua pihak dan jalan penyelesaian harus dicari untuk merungkalkan kebimbangan masyarakat terhadap isu ini. Sikap lepas tangan atau ambil mudah menyebabkan isu ini akan terus bermanah dan menjadi pekung yang sukar untuk dibendung. (fokus soalan) ini akan saya jelaskan dalam huraian berikutnya.

BORANG RANGKA PERSEMBAHAN

Isu	Media Sosial
Tugasan soalan	Manfaat media sosial kepada masyarakat.

(Teknik menghuraikan isi/idca)

Idea pertama

Idea	Sumber informasi terkini
Mengapa <i>(Hal ini dikatakan demikian kerana)</i>	-Media sosial seperti “Facebook”, “Twitter”, “Instagram” dan sebagainya mampu menambah informasi kepada kita dalam pelbagai aspek. -Perkongsian informasi di laman sosial tidak terhad kepada penulisan sahaja, malah pendekatan melalui video juga menjadikan laman sosial lebih interaktif.
Bagaimana <i>(Sebagai contoh)</i>	-Agenzi wartawan atau berita dapat menyampaikan berita secara terus dengan menggunakan informasi terkini dalam media sosial. -Para pelajar juga dapat menyiapkan tugasan masing-masing dengan merujuk kepada bahan dalam media sosial.
Kesan <i>(Implikasinya, kesannya) Jika.....pasti</i>	-Masyarakat akan sentiasa memperoleh informasi terkini dan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan atau membaca isu-isu semasa. -Melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan dan “celik IT”
Ungkapan menarik <i>(Bak kata peribahasa)</i>	Laut ditimba tidak akan kering..
Penegasan <i>(Jelaslah bahawa, Konklusinya, Intihanya,</i>	-Ulang semula idea dan tugasan soalan-

PADA PANDANGAN SAYA, manfaat media sosial kepada masyarakat ialah sumber informasi terkini. **HAL INI DIKATAKAN DEMIKIAN KERANA** Media sosial seperti “facebook”, “twitter”, “Instagram” dan sebagainya mampu menambah informasi kepada kita dalam pelbagai aspek. Perkongsian informasi di laman sosial tidak terhad kepada penulisan sahaja, malah pendekatan melalui video juga menjadikan laman sosial lebih interaktif. **SEBAGAI CONTOH**, agensi wartawan atau berita dapat menyampaikan berita secara terus dengan menggunakan informasi terkini dalam media sosial. Para pelajar juga dapat menyiapkan tugasan masing-masing dengan merujuk kepada bahan dalam media sosial. **CUBA KITA BAYANGKAN JIKA** anggota masyarakat sentiasa eakna mengenai maklumat semasa. **PASTI** masyarakat akan sentiasa memperoleh informasi terkini dan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan atau membaca isu-isu semasa, malah dapat melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan dan “celik IT” bak kata peribahasa laut ditimba tidak akan kering. **JELASLAH BAPAWA** sumber informasi terkini merupakan salah satu manfaat media sosial kepada masyarakat.

Idea kedua

Idea	Mengeratkan hubungan kekeluargaan/persahabatan
Mengapa (Hal ini dikatakan demikian kerana)	-Media sosial seperti “Facebook”, “Twitter”, “Instagram” dan sebagainya memberikan satu dimensi baharu dalam bersosial antara manusia iaitu kita boleh berkongsi semua perkara dengan ahli keluarga dan sahabat handai yang berada jauh hanya dengan menggunakan laman sosial.
Bagaimana (Sebagai contoh)	-Media sosial seperti “Facebook” mampu mengeratkan hubungan antara kehuarga dan sahabat dengan perkongsian gambar-gambar dan juga panggilan video terutamanya pada musim perayaan.
Kesal (Impakasinya, kesannya) Jika....pasti	-Mewujudkan ahli masyarakat yang saling berhubungan dan bertegur sapa walaupun berjauhan sekali gus menjana masyarakat yang harmoni. –
Ungkapan menarik (Bak kata peribahasa)	-Bagai isi dengan kuku -Bagai aur dengan tebing
Penegasan (Jelaslah bahawa, Konklusinya, Intihanya, Oleh itu,	-Ulang semula idea dan tugasan soalan-

BUKAN SAHAJA sumber informasi terkini, mengeratkan hubungan kekeluargaan/persahabatan JUGA MERUPAKAN manfaat media sosial kepada masyarakat. **HAL INI DIKATAKAN DEMIKIAN KERANA** Media sosial seperti “facebook”, “Twitter”, “Instagram” dan sebagainya memberikan satu dimensi baharu dalam bersosial sesama manusia iaitu kita boleh berkongsi semua perkara dengan ahli keluarga dan sahabat handai yang berada jauh hanya dengan menggunakan laman sosial. **SEBAGAI CONTOH**, media sosial seperti “facebook” mampu mengeratkan hubungan antara keluarga dan sahabat dengan perkongsian gambar-gambar dan juga panggilan video terutamanya pada musim perayaan. **CUBA KITA BAYANGKAN SEKIRANYA** hubungan kekeluargaan yang selama ini retanggang,, tetapi dengan penggunaan media sosial,, **PASTI** akan mewujudkan ahli masyarakat yang saling berhubungan dan bertegur sapa walaupun berjauhan sekali gus menjana masyarakat yang harmoni. **OLEH ITU, TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA (SALIN ISI 2) mengeratkan hubungan kekeluargaan/persahabatan merupakan (SALIN TUGASAN SOALAN)** manfaat media sosial kepada masyarakat.

Idea ketiga

Idea	Peluang menjana pendapatan
Mengapa <i>(Hal ini dikatakan demikian kerana)</i>	-Media sosial memberikan dimensi baharu dalam bidang perniagaan dengan promosi dan produk dapat diketengahkan kepada golongan sasaran menggunakan kos yang lebih rendah. -Kemudahan laman sosial ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha perniagaan demi menjana pendapatan.
Mengapa <i>(Hal ini dikatakan demikian kerana)</i>	-Media sosial memberikan dimensi baharu dalam bidang perniagaan dengan promosi dan produk dapat diketengahkan kepada golongan sasaran menggunakan kos yang lebih rendah. -Kemudahan laman sosial ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha perniagaan demi menjana pendapatan.
Mengapa <i>(Hal ini dikatakan demikian kerana)</i>	-Media sosial memberikan dimensi baharu dalam bidang perniagaan dengan promosi dan produk dapat diketengahkan kepada golongan sasaran menggunakan kos yang lebih rendah. -Kemudahan laman sosial ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha perniagaan demi menjana pendapatan.
Bagaimana <i>(Sebagai contoh)</i>	-pengusaha produk kosmetik tidak lagi mempromosi produk mereka melalui stesen televisyen atau di papan tanda yang memerlukan kos yang tinggi malah lebih senang memaparkan hasil testimoni melalui laman sosial. -Iklan dan promosi yang diadakan di facebook contohnya, akan mclariskan produk dan sekali gus menjana pendapatan yang lumayan.
Kesan <i>(Implikasinya, kesannya) Jika....pasti</i>	-Iklan dan promosi yang diadakan di facebook contohnya, akan mclariskan produk dan sekali gus menjana pendapatan yang lumayan.
Ungkapan menarik <i>(Bak kata peribahasa)</i>	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
Penegasan <i>(Konklusinya, intinya)</i>	-ulang semula idea dan tugasan soalan.

SELAIN ITU, SALIN ISI 3 JUGA MERUPAKAN SALIN TUGASAN SOALAN

HAL INI DIKATAKAN DEMIKIAN KERANA _____. SEBAGAI CONTOH, _____.

CUBA KITA GAMBARKAN JIKA _____. TEGASNYA, SALIN TUGASANSOALAN ____ IAI.IAH SALIN ISI 3 ____.

Idea keempat

Idea	Menjimatkan kos
Mengapa <i>(Hal ini dikatakan demikian kerana)</i>	
Bagaimana <i>(Sebagai contoh)</i>	
Kesan <i>(Implikasinya, kesannya) Jika.....pasti</i>	
Ungkapan menarik <i>(Bak kata peribahasa)</i>	
Penegasan <i>(Jelaslah bahawa, Konklusinya, Intihanya,</i>	

SETERUSNYA, SALIN ISI 4 JUGA MERUPAKAN SALIN TUGASAN

SOALAN. HAL INI DIKATAKAN DEMIKIAN KERANA _____. SEBAGAI CONTOH,

CUBA KITA GAMBARKAN SEKIRANYA _____. MEMANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN

SALIN TUGASAN SOALAN ____ IALAH SALIN ISI 4 .

(PENUTUP)

Daripada huraian yang telah saya huraikan di atas, ternyata isu (tema) dapat ditangani secara bijaksana jika semua pihak dapat seia sekata dan sederap melangkah dalam memahami isu ini. Sikap saling menudung jarif atau melihat kesalahan orang lain bukan jalan terbaik dan harus dielakkan. Peribahasa Melayu ada menyatakan di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Nah, sudah terang lagi bersuluh apa-apa juu isu yang mendatang sudah tentu ada jalan penyelesaiannya. Kita haruslah bersikap rasional dan positif. Jelas penyelesaian yang konkret dan disepakati bersama akan dapat menyelesaikan isu (tema) dan secara tidak langsung melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

KARANGAN CONTOH

DOMAIN PENDIDIKAN

Telefon pintar atau telefon bijak^[2] (Bahasa Inggeris: Smartphone) adalah telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar membolehkan penggunaannya memasang aplikasi canggih di dalamnya berdasarkan pelantar telefon seperti Symbian, Android, iOS atau Windows Phone. Ia juga menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu pelantar untuk pembina aplikasi.

Sumber: Wikipedia, ensiklopedia bebas.

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang telefon pintar.

Huraikan pendapat anda tentang **implikasi positif penggunaan telefon pintar kepada remaja**.

Contoh jawaban:

CONTOH PENDAIULUAN:

Pada era globalisasi ini, **penggunaan telefon pintar** merupakan salah satu isu yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak. Isu **penggunaan telefon pintar** ini sering dipaparkan di media cetak seperti akhbar dan media elektronik seperti televisyen di negara kita. Pada hari ini, telefon pintar dianggap sebagai satu trend gaya hidup remaja. Penggunaan telefon pintar yang bersesuaian dengan situasi dan pekerjaan sudah pasti akan mendatangkan kebaikan. Persoalannya, apakah **implikasi positif penggunaan telefon pintar kepada remaja?** Jika diperhalusi, terdapat banyak kesan **penggunaan telefon pintar kepada remaja** di negara ini.

(82 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN ISI 1: MUDAH MENGHUBUNGI AHLI KELUARGA

Kesan perdana penggunaan telefon pintar kepada remaja adalah **mudah menghubungi ahli keluarga dan kenalan yang lama terpisah**. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja dapat bertanya khabar dengan ahli keluarga dan sahabat handai dengan mudah dan pantas. Sebagai contoh, telefon pintar yang dilengkapi Internet 4G membolehkan kita membuat panggilan video dengan ahli keluarga dan rakan-rakan di luar negeri. Teknologi sebegini membenarkan kita berbual-bual sambil melihat wajah pemanggil. Hal ini boleh mengubat perasaan rindu dan secara tidak langsung, ikatan silaturahim antara ahli keluarga dan sahabat handai dapat dieratkan walaupun tinggal berjauhan, berbanding dengan zaman dahulu yang memerlukan masa yang lama untuk bertanya khabar. Jelaslah bahawa antara kesan penggunaan telefon pintar kepada remaja adalah mudah menghubungi ahli keluarga dan kenalan.

(117 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN ISI 2: MEMBANTU DALAM PEMBELAJARAN

Implikasi kedua penggunaan telefon pintar kepada remaja adalah **membantu dalam pembelajaran**. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja dapat belajar secara berkumpulan dengan menggunakan aplikasi media sosial. Dalam hal ini, remaja tersebut boleh menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook, What'App dan Telegram, untuk berkongsi bahan-bahan pembelajaran. Kita boleh mengangsur Internet di telefon bimbit tersebut dan menyimpan data-data dengan mudah untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Secara tidak langsung, mereka dapat mengulangi pelajaran dengan lebih berkesan dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru dengan mudah dan pantas seiring dengan dunia pendidikan sekarang yang memerlukan semua pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Jelaslah bahawa, antara kesan penggunaan telefon pintar kepada remaja ialah membantu dalam pembelajaran.

(108 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN ISI 3: SENANG MENDAPAT MAKLUMAT TERKINI

Implikasi ketiga penggunaan telefon pintar kepada remaja adalah **senang mendapat maklumat terkini**. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menggunakan Internet, remaja senang mendapat berita-berita terkini dari dalam atau luar negara. Dalam hal ini, maklumat-maklumat bolch dicari dengan menggunakan aplikasi Google, YouTube dan Yahoo. Secara tidak langsung, remaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan sentiasa lebih peka dengan isu-isu terkini seperti informasi terkini tentang Pandemik COVID-19 agar tidak menjadi seperti *kata-kata di bawah tempurung*. Begitu juga dengan penuntut-penuntut di universiti, telefon pintar ini menjadi satu kemestian untuk dimiliki berikutnya semua maklumat perlu dicari dan semua berada di hujung jari. Jelaslah bahawa antara kesan penggunaan telefon pintar kepada remaja adalah senang mendapat maklumat terkini.

(110 patah perkataan)

CONTOH PERENGGAN PENUTUP:

Kesimpulannya, Sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat banyak **kesan penggunaan telefon pintar kepada remaja** di negara ini. Penggunaan yang sistematis oleh remaja akan membawa banyak kebaikan kepada mereka, tetapi jika tidak digunakan secara rasional, akan membawa kemudaran kepada si pengguna.. Oleh yang demikian semua pihak harus bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing. Budaya bekerjasama bagi air dengan tebing perlu diamalkan dalam menempuh kehidupan sebagai seorang remaja. Secara tidak langsung, sesuatu yang diharapkan akan dapat dicapai dan memberikan impak positif kepada kesejahteraan masyarakat dan negara kita khususnya.

(84 patah perkataan)

TEKNIK 2 – IBAMKUP

DOMAIN AWAM

Insiden air tercemar di Selangor dan kes pembuangan bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, umpannya belum dilakukannya tindakan keras pengawasannya diambil. Kawasan industri atau kilang yang wujud di sepanjang sungai bukan baharu dibina, malah ada yang sudah bertahun dan pastinya pengwujudannya diketahui oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

‘Kehadiran’ pusat pelupusan sampah haram yang semakin bereambah, kilang haram, pengimportan sisa pepejal, mahupun pusat pengumpulan besi buruk sudah pasti diketahui pengawas kuasa PBT melalui rondaan harian yang dilakukan di kawasan pentadbiran mereka.

Sumber: BII Online, Ahad, 30 Jun 2019

Petikan di atas merujuk kepada alam sekitar negara kita semakin tercemar akibat pembuangan sisa toksik dan bahan yang tidak mudah reput seperti plastik, kaca dan aluminium. Masalah ini jika tidak diselesaikan dengan segera akan mendatangkan masalah pencemaran yang lebih serius kepada negara.

Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan tentang “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.

Tulis rencana itu selengkapnya.

MENGANALISIS SOALAN

Isu/tema	Alam sekitar
Tugas / kemandek soalan	Tanggungjawab menjaga alam sekitar
Siapa	Semua pihak: Ibu bapa, Sekolah, Masyarakat, Kerajaan, Media Massa
Format	Rencana

STRATEGI MENULIS PENDAHULUAN

M	Masa
I	Isu Semasa
S	Sebab
O	Oleh sebab...
P	Persoalan...
Ayat	Huraian
Masa	Pada era ledakan maklumat hari ini
Isu Semasa	isu kerap kali terpampang di dada-dada akhbar atau tersiar di media elektronik
Sebab	Hal ini berlaku disebabkan isu bukan sahaja telah menjadi buah mulut masyarakat malahan mendapat perhatian oleh pemimpin-pemimpin negara.
Oleh itu	Oleh itu, hal ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak agar isu ini dapat dirungkaikan demi kepentingan bersama.
Persoalan	Persoalan..., apakah....?

IDEA PERTAMA

IDEA (I) APA (NAPE)	- peranan institusi keluarga – ibu bapa
BAGAIMANA (Ba) (WAK GANE)	- ibu bapa sebagai suri teladan mendidik anak-anak menghargai dan mencintai alam sekitar - ibu bapa tidak sepatutnya membuang sampah merata-rata dan melakukan pembakaran terbuka
MENGAPA (M) (WAKPE)	- ibu bapa sebagai orang yang terdekat kepada anak-anak
KESAN (K) (JADI CANE)	- anak-anak akan terpengaruh dan terikut sikap ibu bapa
UNGKAPAN MENARIK (U)	- melentur buluh biarlah dari rebungnya - seperti ketam mengajar anak
PENEGASAN	

IDEA KEDUA

IDEA (I) APA (<i>WAKPE</i>)	- peranan pihak sekolah
BAGAIMANA (Ba) (<i>WAK GANE</i>)	- mengadakan kem kesedaran - melalui pdp – tugasan kepada pelajar berkaitan pencemaran - pembubuhan kelab
MENGAPA (M) (<i>WAKPE</i>)	- menyedarkan pelajar kesan buruk yang dibawa oleh pencemaran alam sekitar
KESAN (K) (<i>JADI GANE</i>)	- wujud kesedaran untuk menjaga alam sekitar
UNGKAPAN MENARIK (U)	
PNEGASAN	

IDEA KETIGA

IDEA (I) APA (<i>WAKPE</i>)	- peranan kerajaan
BAGAIMANA (Ba) (<i>WAK GANE</i>)	
MENGAPA (M) (<i>WAKPE</i>)	
KESAN (K) (<i>JADI GANE</i>)	
UNGKAPAN MENARIK (U)	
PNEGASAN	

IDEA KEEMPAT

IDEA (I) APA (<i>NAPE</i>)	- peranan media massa
BAGAIMANA (Ba) (<i>WAK GANE</i>)	
MENGAPA (M) (<i>WAKPE</i>)	
KESAN (K) (<i>JADI GANE</i>)	
UNGKAPAN MENARIK (U)	
PENEGASAN	

IDEA KELIMA

IDEA (I) APA (<i>NAPE</i>)	
BAGAIMANA (Ba) (<i>WAK GANE</i>)	
MENGAPA (M) (<i>WAKPE</i>)	
KESAN (K) (<i>JADI GANE</i>)	
UNGKAPAN MENARIK (U)	
PENEGASAN	

STRATEGI MENULIS PERENGGAN PENUTUP

T	Tugasan
I	Isi
II	Harapan
U	Ungkapan Menarik

Tuntasnya, ternyata isu _____ (T) _____ dapat ditangani secara bijaksana jika semua pihak dapat seja sekata untuk memahami scenario ini. Antaranya ialah _____ (II) _____, _____ (I2) _____ dan _____ (I3) _____. Semoga, (II) sikap saling menudung jari atau melihat kesalahan orang lain bukan jalan yang terbaik. Peribahasa Melayu ada menyatakan (U) di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Sudah terang lagi bersuluh apa-apa juga isu yang mendatang sudah tentu ada penyelesaiannya jika semua pihak bersikap bagai aur dengan tehing.

TEKNIK 3 – IMBaKAP

DOMAIN KERJAYA

Sumbangan industri kraf tangan sememangnya amat besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain daripada kejayaannya menambahkan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, industri ini juga telah berjaya membantu memajukan industri pelancongan negara. Hal ini demikian kerana industri pelancongan dan industri kraf tangan adalah saling berhubungan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Sumber : Internet

Industri kraf tangan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pendapatan negara dan juga memajukan industri pelancongan negara.

Bincangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk memajukan industri kraf tangan di negara ini.

Analisis Soalan

S - Siapa	Pelbagai pihak (Kerajaan, swasta, masyarakat, media massa, pengusaha)
T - Tema	Industri kraf tangan
A - arahan soalan	usaha-usaha pelbagai pihak untuk memajukan industri kraf tangan di negara ini.
Format	tiada

PERENGGAN PERDAHULUAN – TEKNIK MISOP

(M) Pada era ledakan maklumat hari ini, (I) isu(Tema).....kerap kali terpampang di dada-dada akhbar atau tersiar di media elektronik. (S) Hal ini berlaku disebabkan isu(Tema)..... bukan sahaja telah menjadi buah mulut masyarakat malahan mendapat perhatian oleh pemimpin-pemimpin masyarakat. (O) Oleh itu, hal ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak agar isu ini dapat dirungkaikan demi kepentingan bersama. (P) Persoalannya, apakah.....(Tugasau)....?

PERENCANGAN IDEA (KAEDAH 5 JARI) – IMBaKAP**IDEA PERTAMA**

I - Idea	peranan kerajaan dalam mempromosikan barang kraf tangan di mata dunia.
M - Mengapa / Alasan	Masyarakat dunia masih belum tahu tentang industri kraf tangan di Malaysia.
Ba - Siapa, buat apa, bila dan di mana	- mempromosikan barang kraf tangan ketika mengadakan pelancaran Tahun Melawat Malaysia yang diadakan di negara-negara luar. - Kementerian Seni dan Budaya mengadakan minggu kraf tangan bagi menghargai seni dan nilai keaslian barang kraf tangan yang dibuat eksklusif untuk minggu tersebut.
K - Kesan kepada contoh	Masyarakat akan lebih mengetahui tentang keunikan barang kraf tangan dan berminat untuk memiliknya apabila melancong ke negara ini kerana tak kenal maka tak cinta.
AP – Ayat Penegas/ Penyimpul	Jelaslah bahawa kerajaan memainkan peranan yang lebih dominan dalam mempromosikan barang kraf tangan.

IDEA KEDUA

I - Idea	Pihak kerajaan atau swasta memberikan sokongan kepada pengusaha yang ingin meluaskan sayap pengusahaan.
M - Mengapa / Alasan	Ramai pengusaha kraf tangan kekurangan modal untuk memajukan pengusahaan ke peringkat yang lebih tinggi.
Ba - Siapa, buat apa, bila dan di mana	Jabatan-jabatan seperti MARA memberikan pinjaman modal kepada pengusaha untuk memajukan lagi pengusahaan kraf tangan. Jabatan-jabatan seperti MARA memberikan pinjaman modal kepada pengusaha untuk memajukan lagi pengusahaan kraf tangan.
K - Kesan kepada contoh	Lebih ramai pengusaha kraf tangan akan dapat memajukan pengusahaan mereka sehingga dikenali ke peringkat dunia.
AP – Ayat Penegas/ Penyimpul	Galakan dan dorongan dapat menarik minat pengusaha dalam memajukan lagi industri kraf tangan.

IDEA KETIGA

I - Idea	sokongan masyarakat terhadap industri kraf tangan itu sendiri.
M - Mengapa / Alasan	banyak individu tidak menghargai nilai kesenian barang kraf tangan dan kurang berminat untuk membeli produk kraf tangan tempatan.
Ba - Siapa, buat apa, bila dan di mana	menunjukkan perasaan kagum dan menghargai barang kraf tangan yang merupakan hasil karya terunik yang tidak semua pihak dapat menghasilkannya dan berusaha untuk memiliki hasil kraf tangan tempatan seperti saji, labu sayong dan sebagainya.
K - Kesan kepada contoh	masyarakat tidak memandang enteng terhadap usaha memajukan industri kraf tangan serta memberikan sokongan yang berterusan agar industri kraf tangan menjadi lebih maju.
AP - Ayat Penegas/ Penyimpul	masyarakat juga turut membantu dalam memajukan industri kraf tangan di Malaysia.

IDEA KEEMPAT

I - Idea	peranan media massa dalam menarik minat masyarakat terhadap hasil kraf tangan tempatan.
M - Mengapa / Alasan	Media massa memainkan peranan yang signifikan dalam membantu meningkatkan permintaan orang ramai terhadap barang kraf tangan.
Ba - Siapa, buat apa, bila dan di mana	menyiarakan artikel atau dokumentari yang menarik mengenai seni kraf tangan.
K - Kesan kepada contoh	menarik minat orang awam dan sekali gus membantu memajukan industri kraf tangan.
AP - Ayat Penegas/ Penyimpul	pihak media massa turut membantu memajukan industri kraf tangan Malaysia.

PERENGGAN PENUTUP - TEKNIK TAHIA

T - Tegas	Pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk memajukan industri kraf tangan di Malaysia.
A - Ajakan / Seru	Oleh itu, marilah kita bersama-sama memastikan industri kraf tangan terus maju .
HA - Harapan	supaya tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas, tidak hilang ditelan zaman dan terus maju seiring dengan pembangunan negara dan dapat menarik minat pelancong untuk berlandang ke negara kita.

PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B
KARANGAN RESPON TERBUKA
KAEDAH PASANG SIAP

AKTIVITI 1: MENTAFSIR SOALAN

A. PANDUAN MEMAHAMI SOALAN KARANGAN RESPON TERBUKA

1. Baca arahan dengan teliti.
2. Baca semua soalan.
3. Pilih soalan berdasarkan pengetahuan, pemahaman dan keupayaan anda.
4. Kenal pasti isu, pernyataan soalan dan arahan soalan.

B. KONSEP MENTAFSIR SOALAN KARANGAN

1. Isu = Topik dalam soalan
2. Ayat pernyataan = Ayat isu
3. Ayat tugas = Ayat kehendak soalan

C. CONTOR MENTAFSIR SOALAN

Contoh soalan:

Soal selidik yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati 82 peratus responden berpendapat isu rasuah dan salah guna kuasa di negara berada pada tahap membumikan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil, berkata data itu adalah hasil daripada soal selidik terhadap responden yang terdiri daripada pelajar, kakitangan awam dan swasta serta pesara pada Hari Antirasuah yang diadakan di seluruh negara.

Sumber: BII Online, 30 Januari 2019 @ 5:59pm

Petikan akhbar menerangkan kebinbangan masyarakat Malaysia mengenai gejala rasuah yang terus berleluasa tanpa penghujungnya.

Huraikan punca-punca yang menyebabkan gejala rasuah berlaku.

Tema	Gejala rasuah
Arahan Soalan	Punca-punca yang menyebabkan gejala rasuah berlaku.
Cadangan Idea	<ol style="list-style-type: none">1. Pembangunan sosial ekonomi yang tidak diseimbangkan dengan pembangunan kerohanian.2. Kelemahan kepimpinan dan pengurusan organisasi.3. Seseorang ingin mencapai kehidupan mewah dalam masa singkat.4. Penguatkuasaan yang lemah dalam usaha membasmi peningkatan kadar gejala rasuah.

AKTIVITI 2: MENULIS PENDAHULUAN

D. PANDUAN PENDAHULUAN PASANG SIAP

PENDAHULUAN

1. Dalam meniti arus kemodenan ini, isu _____ (**tema**) _____ selalu diperkatakan.
2. Hal ini wujud akibat daripada _____ (**ayat pernyataan**) _____.
3. Persoalannya apakah dan mengapakah isu sedemikian sering menjadi buah mulut masyarakat?
4. Oleh itu, marilah kita membincangkan _____ (**ayat tugasan**) _____.

AKTIVITI 3: MENGHURAI PERENGGAN ISI

E. PANDUAN MENGHURAI ISI PASANG SIAP

ISI PERTAMA

5. Sesungguhnya _____ (**ayat tugasan**) _____ yang pertama ialah _____ (**isi pertama**) _____.
6. Hal ini dikatakan demikian kerana _____ (**mengapa**) _____.
7. Sebagai contoh, _____ (**bagaimana**) _____.
8. Oleh itu kita *tidak dapat / dapat mewujudkan _____ (**kesan**) _____.
9. Jelaslah (**isi pertama + ayat tugasan**) .

ISI KEDUA

10. Selain itu _____ (**ayat tugasan**) _____ yang kedua ialah _____ (**isi kedua**) _____.
11. Hal ini dikatakan demikian kerana _____ (**mengapa**) _____.
12. Sebagai contoh, _____ (**bagaimana**) _____.
13. Oleh itu kita *tidak dapat / dapat mewujudkan _____ (**kesan**) _____.
14. Benarlah (**isi kedua + ayat tugasan**) .

ISI KETIGA

15. Seterusnya (ayat tugasan) yang ketiga ialah (isi ketiga).
16. Hal ini dikatakan demikian kerana (mengapa).
17. Sebagai contoh, (bagaimana).
18. Oleh itu kita *tidak dapat / dapat mewujudkan (kesan).
19. Tegasnya (isi ketiga + ayat tugasan).

ISI KEEMPAT

20. Realitinya, (ayat tugasan) yang terakhir ialah (isi keempat).
21. Hal ini demikian kerana (mengapa).
22. Sebagai contoh, (bagaimana).
23. Oleh itu kita *tidak dapat / dapat mewujudkan (kesan).
24. Jelaslah (isi keempat + ayat tugasan).

AKTIVITI 4: MENULIS PERENGGAN PENUTUP

F. PANDUAN MENULIS PERENGGAN PENUTUP

PENUTUP

25. Kesimpulannya semua pihak mestilah bekerjasama mengatasi / menyokong (isu) ini.
26. Jika tidak kita akan *dipandang rendah / dipandang tinggi oleh segenap lapisan masyarakat.
27. Semoga kita akan dapat melahirkan masyarakat / negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
28. Namun begitu bak kata peribahasa tepak dada tanya minda kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalur.

PANDUAN MENJAWAB BAHASA MELAYU KERTAS 2

MASA : 2 jam 30 minit.

TIGA BAHAGIAN DIKEMUKAKAN (9 SOALAN):

BAHAGIAN A - Sistem dan Aplikasi Bahasa: 35 Markah (Masa yang dicadangkan 45 minit)

1. Morfologi
2. Sintaksis
3. Penyuntingan
4. Bahasa Melayu Standard
5. Peribahasa

BAHAGIAN B – Pemahaman : 35 Markah (Masa yang dicadangkan 60 minit)

6. Pemahaman Umum
7. Petikan Sastera
8. Novel (10 Markah)

BAHAGIAN C: 30 MARKAH (Masa yang dicadangkan 45 minit)

9. Rantusan

PANDUAN UMUM MENJAWAB SOALAN

BAHAGIAN A (35 Markah)

1. Morfologi – Mengenal pasti jenis kata membina ayat
 - ✓ Bina ayat berdasarkan arahan soalan yang berkaitan dengan petikan atau bahan yang diberi mengikut tema
 - ✓ Bina ayat sendiri : tidak boleh mengambil ayat dalam petikan atau dalam keseluruhan kertas soalan.
 - ✓ Jumlah ayat yang dibina bergantung pada arahan dalam soalan.
2. Sintaksis / Kemahiran berbahasa
 - Bentuk Soalan Sintaksis
 - ✓ menukar ayat aktif kepada ayat pasif
 - ✓ menukar ayat pasif kepada ayat aktif
 - ✓ menukar cakap ajuk kepada cakap pindah
 - ✓ menukar cakap pindah kepada cakap ajuk
 - ✓ menukar ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang
 - ✓ menukar ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa
 - ✓ memisahkan ayat
 - ✓ menyambung ayat
 - ✓ menentukan pola ayat
 - ✓ menentukan jenis-jenis ayat
 - ✓ menganalisis ayat [subjek dan predikat]
3. Penyuntingan
 - ✓ Soalan penyuntingan mengikut teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
 - ✓ Panjang teks : antara 50 hingga 80 patah perkataan
 - ✓ Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
 - ✓ Jenis kesalahan yang diuji : ejaan, imbuhan, tanda baca, istilah, frasa dll.
 - ✓ Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan

4. Bahasa Melayu Standard
- ✓ Memukarkan petikan teks bahasa Melayu tradisional kepada teks bahasa Melayu moden
 - ✓ Mengekalkan maksud dan bentuk asal petikan
 - ✓ Mengekalkan bahasa istana yang dikhaskan untuk panggilan tertentu (kata ganti nama)

5. Peribahasa

Bentuk Soalan Peribahasa:

- ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan petikan atau ayat yang diberi
- ✓ Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud peribahasa yang diberi
- ✓ Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang tepat
- ✓ Menyatakan maksud peribahasa
- ✓ Menyatakan peribahasa yang sama maksud
- ✓ Mengenal pasti peribahasa dalam petikan dan memberi maksud peribahasa tersebut atau memberikan peribahasa yang sama maksud.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

SOALAN 1

Set 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata adjektif. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda saham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Dalam era globalisasi ini, setiap lapisan masyarakat haruslah bijak menguruskan kewangan mereka. Pengurusan kewangan yang baik dapat membantu seseorang untuk menyimpan dan menjimalkan wang demi kepentingan masa hadapannya. Berhemat kelika berbelanja dalam kehidupan harian hendaklah diamalkan oleh masyarakat tanpa mengira usia. Sebagai contoh, amalan menabung perlu disuburkan dalam diri setiap pelajar sejak kecil lagi. Pelajar bolch menggunakan wang yang disimpan selama ini untuk membeli barang keperluan sekolah tanpa membebankan ibu bapa mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bijak Mengurus Kewangan'
oleh Visagan Nair A/L Mathan,
Dewan Siswa, Bil 2/2021

[6 markah]

Set 2

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata bantu aspek. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bantu aspek yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan namu khas.

Ubi kayu, campaklah di mana-mana saja, pasti akan hidup. Dengan masalah tanah yang tidak cukup air, terecmar dengan logam berat dan persekitaran yang sukar, ubi kayu masih mampu hidup subur. Santis di Colombia, Amerika Latin dan Afrika telah menggelarnya “Rambo Root” dan sudah menghilangkan nama ubi kayu atau cassava sama sekali. Ubi kayu, bukan sekadar pernah menyelamatkan manusia daripada kebuluran tetapi menyelamatkan bumi daripada kemusnahan. Dunia pada hari ini sedang bergelut dengan isu pemanasan global dan perubahan iklim secara drastik.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Selesaikan Kebimbangan Alam Sekitar dengan Ubi Kayu’
oleh Noriananah Seman
Dewan Masyarakat, Bil 02/2021

[8 markah]

SOALAN 2

Set 1

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan pola ayat bagi ayat-ayat yang bergaris dengan tepat.

Pengambilan sarapan ialah amalan rutin bagi sesetengah orang. Sarapan diambil pada setiap pagi sebelum memulakan sesuatu urusan. Pengambilan sarapan sebenarnya sangat baik untuk kesihatan seseorang. Sarapan membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan harian. Antaranya termasuklah meningkatkan daya ingatan dan menurunkan tahap kolesterol jahat.

Ramai orang ke restoran atau warung pada waktu pagi untuk bersarapan. Masyarakat Malaysia suka akan nasi lemak, mi goreng dan roti canai. Walaupun sarapan baik untuk kesihatan namun pemilihan menu hendaklah bertepatan dengan gizi yang seimbang.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kepentingan Sarapan Pagi’
oleh Nasuha Badrel Huzaini
Dewan Kosmik, Bil 7/2018

[6 markah]

Set 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulur ayat aktif yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut.

Baru-baru ini, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan persembahan makyung. Saya dapat menyaksikan persembahan makyung yang sungguh unik. Saya juga yakin masa tidak akan terbaizir apabila menonton persembahan makyung itu. Ramai penonton menghadiri persembahan seni tradisional makyung yang berlangsung pada petang 8.30 malam. Meskipun begitu, kehadiran mereka belum dapat menjamin kelangsungan seni persembahan berterusan. Penggiat makyung memerlukan bantuan daripada pihak yang berwewenang untuk mempromosikan makyung. Promosi mencuri media sosial merupakan salah satu cara menyebarluaskan maklumat tentang seni persembahan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Seni persembahan Warisan Bangsa Menuju 2050'
oleh Armin Azhari Saleh
Dewan Budaya, Bil7/2018

[6 markah]

Set 3

Berdasarkan petikan di bawah, cerakinkan ayat yang bergaris kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asal petikan.

Banyak kajian menunjukkan bahawa bersenam mampu menjadikan kehidupan yang lebih baik dan boleh memanjangkan umur. Dari sudut sains, sekiranya anda lebih ergas dan kerap bersenam, anda akan hidup lebih lama berbanding dengan mereka yang malas bersenam. Mereka yang tidak aktif mudah mendapat penyakit seperti kencing manis dan penyakit jantung. Pada tahun 2025, diramalkan sebanyak 31 peratus rakyat di negara ini akan menghidap penyakit diabetes. Kajian menunjukkan bahawa rakyat di negara ini kurang bersenam dan bersukar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kekal Muda pada Usia Tua'
Oleh Hamidah Zabidi
Dewan Masyarakat, Julai 2019

[6 markah]

SOALAN 3

Set 1

Dalam Petikan 1, terdapat **lima** kesalahan bahasa manakala Petikan 2 terdapat **enam** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Hari ini, radio, telefon, TV, kamcra dan pemancar tergabung menjadi satu dalam bentuk telefon pintar yang dapat dibeli dengan harga ratusan ringgit dan boleh digunakan pada mornata dunia.

Namun begitu, kita perlu lebih berpengetahuan dan bijaksana bila semua maklumat kini berada di hujung jari sahaja. Kita mencari perkara yang terlintas dalam fikiran kita dan percaya terang-terang apa sahaja yang dihantar kepada kita oleh rakan-rakan Facebook, Twitter, WhatsApp, Instagram dan WeChat tidak boleh dianggap sebagai sumber mutakhir maklumat melainkan digunakan sebagai profesional.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Media Sosial Sebagai Alat Komunikasi'
oleh A. Kadir Jasin
Dewan Masyarakat, Bil 9/2018

[5 markah]

Petikan 2

Penerubahan Sekolah Wawasan oleh kerajaan pada tahun 2002 bertujuan menyatupadukan generasi muda dari pelbagai etnik. Namun begitu, Sekolah Wawasan tidak berjaya dilaksanakan kerana penolakan daripada beberapa kumpulan yang tidak mahu menyokong usaha ini. Insentif kerajaan adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Perselarahan dan Keharmonian antara Pengikut Agama (JKMPKA) sebagai usaha keselesaian isu berkaitan agama dalam masyarakat.

Berbagai isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat diselesaikan dengan cara berbincang dan bera dialog, serta bukananya demonstrasi jalanan. Oleh itu, pelibatan golongan muda dalam JKMPKA perlu diperluaskan dalam menjayakan program-program yang di anjurkan oleh jawatankuasa ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mengurus Perpaduan dan Kepelbagaiannya Kaum di Malaysia'
Dewan Masyarakat, Bil 8/2019

[6 markah]

Set 2

Petikan di bawah mengandungi tiga belas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan soalan. Anda tidak perlu menyolih petikan-petikan tersebut.

Pengambilan sarapan ialah amalan rutin bagi setengah-tengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi sebelum mula sesuatu urusan seperti belajar atau berkerja. Pengambilan sarapan juga sebagai pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori didalam badan sepanjang hari. Namun begitu, ada berpendapat bersarapan bukanlah suatu kewajiban. Malah, ada juga orang yang tidak bersarapan kerana bukan suatu ajarnan atau budaya bagi dirinya.

Waktu yang paling optimum sekali untuk mengambil sarapan adalah antara 30 minit hingga dua jam selepas berjaga daripada tidur. Orang yang tidak bersarapan merasa lebih lapar dan cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seferusnya. Kajian banyak mendapati bahawa sarapan baik untuk meningkatkan ingatan dan tumpuan serta menurunkan tahap kolesterol jahat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sarapan Cegah Penyakit'
oleh Mohd Faizal Mat Salleh
Dewan Kosmik, Bil 9/2018

[13 markah]

Set 3

Dalam Petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala Petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyolih petikan-petikan tersebut.

Sejak penubuhan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) pada 8 Ogos 1967, pelbagai ujian keselamatan telah dihadapi dan ditangani. Fokus keselamatan di awal penubuhan ASEAN lebih tertumpu kepada pertembungan idealogi antara Kesatuan Soviet dengan Amerika Syarikat ketika Perang Dingin. Kedua-dua kuasa besar tersebut saling berlumba-lumba untuk menjadi kuasa hegemoni dunia. Apabila tamat Perang Dingin, fokus keselamatan dunia amnya dan ASEAN mulai berubah. ASEAN bukan sahaja perlu tumpuan isu keselamatan tradisional semata-mata malahan isu-isu lain juga perlu dibitik beratkan juga.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cabarau Keselamatan Asean'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof,
Dewan Masyarakat, Bil 3/2019

[6 markah]

SOALAN 4

Set 1

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah dilihat seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu masuk tidur.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Set 2

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “ Ya tuanku,adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada dema kurnia, patik hendak memohon ke bawah duji hendak cuba bermain dengan penjurit itu.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

Set 3

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “ Ya tuanku,adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada dema kurnia, patik hendak memohon ke bawah duji hendak cuba bermain dengan penjurit itu.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5

Set 1

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Penduduk Taman Akram Jaya hidup tolong-menolong pada setiap masa terutamanya, ketika majlis keramaian. Penduduk Taman Akram Jaya juga tidak memandang pangkat dan harta seseorang sebaliknya orang yang kaya dan ternama sama-sama turun padang melakukan sebarang aktiviti kerana mereka beranggapan tidak turun darjat atau pangkat jika bergaul dengan orang yang biasa.

Kehidupan penduduk Taman Akram Jaya sungguh aman dan harmoni kerana mereka bersatu hati, saling bersesahaman dengan sebarang pekerjaan baik yang sukar maupun yang mudah.

[6 markah]

Set 2

Baca perbualan di bawah dengan teliti, kemudian komukakan tiga peribahasa yang terdapat dalam perbualan tersebut.

- Patin : Saya kagum dengan kamu. Kamu pantas membuat kerja rumah terutamanya memasak untuk keluarga kamu.
- Alia : Saya dah biasalah Patin, lagi pun sejak kecil lagi ibu saya mendidik saya membuat kerja-kerja di dapur sehingga perkara yang susah akan menjadi mudah. Kamu lainlah dapat peluang belajar ke peringkat yang lebih tinggi, tak bolehlah nak duduk di dapur lama-lama.
- Fatin : Betullah tindakan omak awak itu. Sebagai anak perempuan, kita mestilah diajar semua kerja di dapur. Saya ingin belajar memasak daripada awak bila-bila masa.
- Alia : Boleh, yang penting awak ada kemauan untuk memasak, kalau awak tak minat tentu awak tidak akan berjaya.

[6 markah]

Set 3

Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam gambar tersebut.



BAHAGIAN B

(35 Markah)

[Masa dicadangkan : 45 minit]

SET 1

Soalan 6

Baca Baban 1 dan Baban 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah dan masyarakat perlu saling membantu dan sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan keselamatan murid ketika berada di sekolah. Hal ini bagi mengelakkan insiden yang tidak diingini. Oleh itu, ibu bapa, pihak sekolah serta masyarakat mempunyai peranan tersendiri dalam memastikan keselamatan murid dapat dijaga sama ada ketika berada di dalam atau di luar pagar sekolah.

Sebenarnya, tanggungjawab murid di luar pagar sekolah terletak di tangan ibu bapa dan masyarakat awam, namun pihak sekolah juga perlu terlibat sama membantu murid daripada perkara yang tidak dingini. Antara inisiatif pihak sekolah untuk memastikan keselamatan murid adalah dengan menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan di pintu masuk sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga boleh menggunakan khidmat polis atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mengawal lalu lintas di hadapan sekolah ketika murid tiba dan pulang dari sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semua Pihak Berperanan Jaga Keselamatan Murid'
oleh Aiman Amerul Munir
Malaysia Kini, 6 Januari 2018

Bahan 2

Kementerian Pendidikan menamatkan kontrak 24 buah syarikat keselamatan di sekolah seluruh negara pada tahun lalu kerana tidak memberikan prestasi perkhidmatan yang memuaskan. Hasil kajian yang dilakukan, sebanyak 30 peratus daripada syarikat keselamatan di sekolah *gagal mematuhi* garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian. Tindakan ini merupakan respons yang diambil daripada laporan-laporan yang diterima oleh pihaknya daripada pihak sekolah. Selain itu, garis panduan pemantauan juga telah dikeluarkan oleh kementerian untuk memantau prestasi kontraktor.

Kementerian Pendidikan juga dengan tegas tidak membenarkan warga asing diambil syarikat keselamatan untuk menjadi anggota pengawal keselamatan di sekolah. Kementerian akan memperketat syarat pengambilan kakitangan anggota keselamatan bagi syarikat-syarikat yang diberikan kontrak. Pihak pengurusan sekolah bersama-sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diminta melaporkan kejadian dengan segera dan telus sekiranya syarikat keselamatan sekolah tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Semua tindakan ini diambil untuk memastikan tahap keselamatan murid di sekolah terjamin.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tidak Patuh Garis Panduan, 24 Syarikat Keselamatan Sekolah Ditamat Kontrak'
oleh Israt Khalid
Astro Awani Online, 9 November 2016

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *gagal mematuhi*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah yang diambil oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan untuk memastikan tahap keselamatan murid di sekolah terjamin.

[3 markah]

- (iii) Isu keselamatan murid selepas pulang dari sekolah sering menjadi topik yang dibincangkan di pelbagai media.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bagi menjamin keselamatan anak-anak mereka ketika pulang dari sekolah?

[3 markah]

- (iv) Ketika anda berada di perhentian bas, anda melihat seorang murid sekolah rendah sedang menangis. Kemudian, anda mendekatinya lalu bertanyakan sebab dia menangis. Murid itu memberitahu bahawa bapanya masih belum mengambilnya.

Sebagai seorang yang prihatin, nyatakan perkara-perkara yang wajar anda lakukan untuk membantu murid tersebut.

[4 markah]

Soalan 7

Baca bahan-bahan di berawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Mel, bonda mersetai kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingallah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pokok kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Pelihara lab bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada fidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin *mempunyai kekuatan* untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikurimkan kepada sahabat lama di kota.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'
oleh Husna Nazri,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Pantun Bahasa Jiwa Bangsa

Ikat jerami muat ke kandar,
Selepas makan mandi di telaga,
Ucap difahami wasangka terhindar,
Bahasa kebangsaan penyatu warga.

Balang halban dibawa ke lumut,
Hendak dirikan sebuah taman,
Bahasa kebangsaan milik bersama,
Kita ungkapkan sepanjang zaman.

Terbang tempua ke semak berdur,
Singgah sekali di pokon rumbia,
Bahasa kita lambang jadi diri,
Tidak rugi berbahasa Malaysia.

SUHAIMI MOHD SALLEH

Sumber : *Internet*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mempunyai kekuatan*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan sebab-sebab kita perlu memelihara bahasa kebangsaan.
[3 markah]
- (iii) Selain mahir dan fasih bertutur dalam bahasa Kebangsaan, kita digalakkan juga untuk menguasai bahasa Inggeris.
Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menguasai bahasa Inggeris?
[4 markah]
- (iv) Anda telah mendengar rakan sekelas anda berbual-bual dengan menggunakan bahasa rojak. Sebagai seorang yang mencintai bahasa kebangsaan, anda berasa terkilan dengan sikap rakan-rakan anda yang tidak mempunyai semangat patriotik.
Sebagai seorang rakan, apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut?
[4 markah]

SET 2

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sempena Tahun Melawat Malaysia, setiap negeri perlu mengetengahkan permainan tradisional bagi menyertahkannya warisan seni budaya yang penuh nilai estetika bagi menggantikannya pelancong. Sebagai contoh, kerajaan Kedah merancang menganjurkan program sukan, Eagle Cup Sepak Takraw bersempena Tahun Melawat Kedah. Selain itu, Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang yang dianjurkan setiap tahun perlu diteruskan untuk menarik lebih banyak pengunjung dari dalam dan luar negara.

Usaha menghidupkan permainan tradisional boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan membubuhkan kelah permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi, syair, permainan tradisional dan seni pertahanan diri. Seterusnya, penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat perlu dilakukan melalui media massa.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara”
Dewan Siswa, Jun 2015

Bahan 2

Ekosistem tanah lembap didefinisikan sebagai kawasan paya dan tanah gambut yang mengandungi air, sama ada secara semula jadi ataupun buatan yang terdiri daripada air tawar, payau ataupun masin,. Malaysia amat bertuah kerana memiliki pelbagai jenis tanah lembap yang turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonominya. Kelebihan ekosistem tanah lembap juga memiliki *nilai estetika* tersendiri untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Kawasan tanah lembap di Malaysia pada masa ini ialah kira-kira 5.19 juta hektar yang meliputi hutan paya laut, dataran lumpur, hutan nipah, hutan paya air tawar, hutan paya gambut, tasik, tasik ladang kuda sistem sungai, kawasan rawa, sawah padi, dan kawasan pinggiran pantai. Ekosistem tanah lembap dapat memberikan manfaat yang besar kepada aktiviti sosial dan ekonomi sesuatu tempat. Sistem sungai, kolam dan tasik dijadikan sumber utama bagi membekalkan air untuk kegunaan domestik, industri dan pertanian.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kepentingan-kepentingan Ekosistem Tanah Lembap”
Dewan Kosmik, September 2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *nilai estetika*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan nilai-nilai estetika yang boleh dijadikan produk pelancongan bagi menarik kedatangan pelancong asing ke negara ini. [3 markah]
- (iii) Apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan tempat-tempat menarik sebagai destinasi pelancongan di Malaysia? [3 markah]
- (iv) Anda dan rakan-rakan sedang berkhemah di kawasan hutan paya air tawar di tempat tinggal anda. Tiba-tiba hujan turun dengan lebatnya menyebabkan kumpulan anda terperangkap kerana paras air meningkat dengan mendadak.

Sebagai ketua kumpulan, apakah tindakan yang wajar anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

[4 markah]

Soalan 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Rintihan Bumi

Usia aku semakin lanjut
Kalau aku terburjur
Adakah yang ingin menjagaku
Aku semakin tua
Sudah terlalu uzur aku memelihara
Anak-anakku – manusia.

Setiap hari aku berdoa agar anak-anakku
Menjaga adab
Aku banyak kali menegur
Tetapi mereka tidak juga berubah
Aku hanya mampu menangis sehingga banjir
Aku pukul mereka dengan Tsunami
Tetapi mereka tidak menerima teguran itu untuk berubah.

Akhirnya apabila aku geram
Tuhan perintahkan aku menggongang badan aku
Gempa maha dahsyat berlaku
Schinggakan aku demam, mereka tetap terus
Mencabut pokok-pokokku
Apabila aku geram, keluarlah tausen tetapi mereka
Tetap tidak berubah.

Muhd. Syazwan Sahlan
Sungai Buluh,
Selangor. Dewan Siswa, Bil. 1 2018.

Bahan 2

“Tidaklah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam.”

“Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu,” kata Daneng terpulus-putus. Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. “Apakah yang dapat saya lakukan. Apabila tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok ini juga sudah tiada.”

“Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pegawai perhutanan negara, dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tulang pujaamu juga akan tetjamin,” hujah Jo.

Dipetik daripada cerpen ‘Lambaan Malar Hijau’
oleh Seroja Theavy a/p Balakrishnan
antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan **maksud rangkap 1** dalam **bahan 1** di atas. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemuatan alam sekitar akibat aktiviti manusia. [4 markah]

- (iii) Alam Sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini? [3 markah]

- (iv) Pada suatu petang, anda dan beberapa orang rakan sedang memancing ikan di sebatang sungai berhampiran kawasan hutan simpan yang berada tidak jauh dari kawasan anda. Tiba-tiba anda terdengar bunyi gergaji dan diikuti pokok yang tumbang di kawasan hutan tersebut. Anda dan rakan cuba meninjau lokasi yang mencurigakan dan mendapati terdapat dua orang awam sedang melakukan penebangan di kawasan hutan simpan itu.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dan rakan-rakan anda dapat membantu pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini?

[4 markah]

PEMAHAMAN NOVEL

PANDUAN MENJAWAB SOALAN NOVEL SPM

1. Soalan berdasarkan novel yang dipelajari ketika Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
2. Dikenakan sebagai **Soalan 8: Pemahaman novel**
3. Peruntukan markah – **10 markah**
4. Dibahagikan kepada **dua** bahagian soalan yang wajib dijawab, iaitu:
 - i. Soalan 8(i) Soalan pemahaman daripada salah satu petikan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (Pemindahan Maklumat)
 - ii. Soalan 8(ii) Soalan KBKK berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.

BENTUK SOALAN DAN JAWAPAN NOVEL

Contoh Soalan 8 (i):

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bayangkan sejak Uwang mengambil alih pusat rawatan itu, bukan sahaja bilangan doktor bertambah banyak, malah wad-wad dan bangunan diperbesar dan diperindah. Sehingga kini, wad-wad Super VIP di salah satu tingkat bangunan PRPK itu. Namun walaupun perniagaan kesihatannya itu kini telah dilengkapi peralatan serba canggih, tetapi masih juga tidak mendapat pengiktirafan malahan dicurigai oleh bapanya sendiri.

Mungkinkah sebenarnya bapaku mahu aku mengamalkan cara lama untuk merawat pesakit, biarpun hal yang agak berkurang adalah kemampuan untuk mendapatkan data?" tanya bati Uwang secara tiba-tiba. Sedetik kemudian, Uwang mengulur senyum.

Dipetik daripada novel Pantai Kasih,
karya Asmah Nordin, KPM.

Apakah pencapaian Uwang setelah mengambil alih pusat rawatan daripada bapanya?

[4 markah]

Contoh Jawapan:

Pencapaian Uwang setelah mengambil alih pusat rawatan daripada bapanya ialah bilangan doktor di pusat rawatan itu semakin bertambah. Wad-wad dan bangunan pusat rawatan diperbesar dan diperindah. Selain itu, Uwang telah mesyujudnya wad-wad Super VIP di PRPK dan perniagaan kesihatannya dilengkapi dengan peralatan serba canggih.

Isi-isi:

- bilangan doktor semakin bertambah
- wad-wad dan bangunan diperbesar dan diperindah
- wujudnya wad-wad Super VIP
- dilengkapi peralatan serba canggih

Contoh Soalan 8 (ii):

Contoh 1

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan dua sebab bahagian permulaan novel itu menarik minat anda. [6 markah]

Contoh Jawapan:

Novel yang saya pelajari ialah novel Pantai Kasih karya Aznah Nordin. Alasan pertama bahagian permulaan novel itu menarik adalah kerana menggambarkan sifat amanali dan tanggungjawab seorang pekerja terhadap majikannya. Doktor Raiha melakukan pembedahan kali keenam ke atas Unong Siron atas permintaan ketuanya, Doktor Uwang yang berhalangan melakukannya sendiri.

Seterusnya, bahagian ini menarik kerana menggambarkan sikap tanggungjawab seorang ayah yang ingin anaknya hidup bahagia. Doktor Raiha teringat akan bantahan ayahnya apabila dia menyatakan hasilnya untuk menjadi pakar bedah. Ayahnya lebih suka Doktor Raiha menjadi suri rumah tangga sepenuh masa agar dapat memupuk perhatian sepenuhnya terhadap rumah tangga, bukan bekerja seperti ibu Raiha yang menjadi jururawat sehingga tiada masa untuk diri sendiri.

Contoh 2

Sebuah novel banyak memaparkan peristiwa yang dapat memberikan kesedaran kepada pembaca.

Berdasarkan salah satu novel di bawah, jelaskan dua peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. [6 markah]

Contoh Jawapan:

Novel yang saya pelajari ialah novel Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat banyak peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Antaranya ialah peristiwa Nurul Hafsa bersama-sama Muhammad Taufik gigih berusaha merealisasikan Kawasan Simpan Langit Gclap di Kuala Selangor walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan terutama daripada Dato' Johan Arlington Majid. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran bahawa kita hendaklah sentiasa gigih berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat walaupun menghadapi banyak cabaran.

Selain itu, Budiman menemani adiknya, Nurul Hafsa semasa bertemu dengan Muhammad Taufik di Perpustakaan Awam Sultan Sarafuddin, Kuala Selangor. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar mengambil berat akan kebijakan dan keselamatan ahli keluarga serta menjaga tata tertib perhubungan antara lelaki dengan wanita yang bukan mahram..

Latihan Soalan Peninjahan Maklumat:

- i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebelum pemuda itu dihantar ke hospital besar yang sebenarnya sebuah hospital sakit jiwa, dia telah diberikan segelas susu yang sudah dicampurkan dengan sedikit ubat penenang.

Kemudiannya, mereka ketahui juga cerita sebenar tentang pemuda tersebut. Rupa-rupanya, pemuda itu ialah bekas penuntut di sebuah universiti tempatan dalam jurusan perubatan juga. Namun, dia gagal dalam peperiksaan semester terakhirnya. Akibat desas-desus negatif yang timbul daripada jiran tetangga, tekanan yang tidak henti-henti daripada keluarganya dan juga teman wanitanya yang berpuncak daripada kegagalan itu, akhirnya pemuda itu mencari tempat pelarian. Lari sehingga dia dianggap sebagai seorang yang hilang akal. Sekurang-kurangnya, begitulah yang diceritakan oleh ibu tua Unong Siron kepada para doktor dan jururawat yang kelibatan tekun mendengar ceritanya itu.

Dipedik daripada ‘Novel Pantai Kasih’,
karya Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengarang ada menjelaskan punca-punca pemuda tersebut mengalami masalah jiwa.
Nyatakan punca-punca tersebut.

[4 markah]

- ii) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan Menggunakan ayat anda sendiri.

Farisha dan Rosman memerhati sekejiling. Dinding ruang menunggu itu dihias dengan beberapa buah lukisan abstrak. Tiada pendingin hawa yang terpasang di situ tetapi udarnya nyaman, seperti ada bayu bukit yang menerobos masuk. Apabila mereka mendongak memerhati siling, jelas kelihatan rumah itu dipasang atap membran yang mampu membebaskan udara panas keluar dan menyedutkan ruang di dalam rumah. Farisha dan Rosman duduk bersandar manakala Aqram berdiri tegak di sebelah Iclaki yang menyambut mereka tadi

Dipetik daripada novel ‘Di sebalik Dinara’,
karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, apakah keistimewaan-keistimewaan atap membran? [4 markah]

- i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikuanya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Orang Melayu miskin di tanah air sendiri. Awak tahu kenapa?" pertanyaan Pak Saidi membuatkan Mak Milah yang hamper terlena, terjaga semula.

"Sudah suratan barangkali..." sahut Mak Milah.

"Disebabkan tanah air kita dijajah, mereka mengaut hasil kekayaan negara kita lalu dibawa pulang ke negara mereka," Kata Pak Saidi. "Di bumi yang kita pijak ini ada emas, bijih timah dan getah. Namun, Inggeris tidak membenarkan orang-orang Melayu mengusaha kawannya. Orang putih menjadi pelombong emas. Orang Melayu dibiarkan duduk di kampung menjadi penanam padi dan penoreh getah," katanya lagi.

"Betul kata abang," sokong Mak Milah.

"Tanah air kita ini sudah begitu lama dijajah. Mula-mula Portugis, kemudian Belanda, dan sekarang Inggeris. Sudah beratus-ratus tahun tanah air kita dijajah. Entah bila agaknya akan merdeka?"

Dipetik daripada novel 'Lefetenan Adnan Wira Negara',
karya Abdul Latip bin Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia, hal 5

Nyatakan kesan-kesan penjajahan Inggeris di Tanah Melayu?

[4 markah]

- ii) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Suasana pada malam itu tenang sekali. Sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima duduk di kerusi di atas platform melengkung dan mengelilingi kubah balai cerap yang tersergam di lereng konkrit Bukit Melawati, Kuala Selangor. Balai Cerap Sultan Salehuddin dieiriakan dengan reka bentuk yang diinspirasikan oleh rumah Api Almnara, Somalia. Di samping menonjolkan reka bentuk kubah yang lazim digunakan oleh banyak bangunan balai cerap lain, bangunan ini juga menambah sebuah platform yang mengelilingi kubah tersebut. Platform itu mempunyai ketinggian 50 meter dari tapak balai cerap tersebut.

Selain daripada menyediakan kemudahan untuk peneerasan bintang dengan menggunakan teleskop berkuasa tinggi, Balai Cerap Sultan Salehuddin juga menyediakan ruang peneerasan mata kasar dengan membenarkan para pelawat menyaksikan juzuk-juzuk kosmos dan platform tersebut.

Dipetik daripada novel 'Bimasakti Menari'
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan ciri-ciri reka bentuk Balai Cerap Sultan Salehuddin di Kuala Selangor.

[4 markah]

- i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

[4 markah]

“Ah, kegiatan cetak rompak!” Datuk Yasser dengan nada geram mengejutkan Zahid daripada konsentrasiinya. ‘Begitulah Malaysia di mata dunia. Teknologi kelas pertama, mentaliti masih kelas ketiga,’ kesal nada Daruk Yasser. ‘Walaupun pahit, kita harus mengakui kebenaran taklid orang luar. Kita mempunyai sistem pengawalan yang lemah. Sebab itu perkara ini berlaku.’ Datuk Yasser tidak menafikan kebenaran.

“Cetak rompak terulukkah di sini, er ... di Malaysia abah?” Zahid membentulkan susur, lupa mereka berada di luar tanah air.

“Hmm ... Begitulah. Selagi ada permintaan, selagi itu cetak rompak berleluasa. Sukar untuk dibendung. Pelaku tidak serik pun denda sebanyak RM3000.00 jika menjual setiap keping cakera padat dan tindakan buang daerah pula,” katanya sambal melipat akbar lalu membikarkannya di atas meja dan mengalihkan pandangan ke arah anak lelakinya itu.

Dipetik daripada novel Tirani,
karya Deb Sabariah,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mengapa kegiatan cetak rompak sukar dibendung?

[4 markah]

Latihan Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) :

- a. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, wajarkah pengarang mengakhiri cerita seperti yang terdapat novel tersebut? Berikan alasan anda.

[6 markah]

- b. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang dapat dijadikan pedoman kepada pembaca.

[6 markah]

- c. Watak utama dalam sesebuah novel sering menghadapi cabaran dalam hidupnya. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada dua peristiwa yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C – RUMUSAN**[30 Markah]***[Masa yang dicadangkan : 45 minit]***PANDUAN UMUM RUMUSAN**

1. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai tidak kurang daripada 2 fokus.
2. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada **sumber yang berbeza** (contoh : petikan prosa, puisi dan grafik) tetapi mempunyai **tema yang sama**.
3. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan sealan.
4. Calon perlu mengenal pasti **SEMUA fokus** yang terdapat dalam **SEMUA bahan**.
5. Markah keseluruhan isi ialah 20 markah.
6. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap**.
(Isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus).

AGIHAN ISI

BIL.	PERINGKAT	MARKAH
1	PENDAHULUAN	2
2	ISI (FOKUS 1 DAN FOKUS 2) (8 ISI X 2 markah)	16
3	KESIMPULAN	2
4	JUMLAH	20

7. Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

8. Bahasa

BIL.	PERINGKAT	MARKAH BAHASA
1	CEMERLANG	8 – 10 markah
2	BAIK	5 – 7 markah
3	SEDERHANA	3-4 markah
4	LEMAH	1 – 2 markah

9. Rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.
10. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.
Kesimpulan rumusan mengandungi dua elemen, iaitu
 - a. Elemen 1 - berbentuk cadangan (contoh : haruslah, hendaklah, perlukah)
 - b. Elemen 2 - kesan daripada cadangan (contoh : supaya, agar)

c. Mesti masukkan TEMA / ISU yang dibincangkan.
d. Kesimpulan ditulis dalam satu ayat.
11. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.

PANDUAN MENULIS JAWAPAN

MENULIS AYAT PENDAHULUAN (2 FOKUS)

..... membincangkan _____ fokus 1 dan _____ fokus 2

MENULIS AYAT PENDAHULUAN (3 FOKUS)

..... membincangkan fokus 1, fokus 2
dan fokus 3.

MENULIS BAHAGIAN KESIMPULAN

Untuk menulis bahagian kesimpulan rumusan, murid dicadangkan:

- Mulakan dengan perkataan – **Kesimpulan**nya...
- Menyatakan tindakan yang berkaitan dengan arahan soalan
- siapa yang perlu bertindak ?
- Gunakan penanda wacana – *agar* atau *supaya*
- Menyatakan apakah hasil tindakan itu?

LATIHAN RUMUSAN**SET 1****Bahan 1 - Petikan**

Baca petikan dan bahan grafik dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 kata perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.

Permainan tradisional merupakan permainan yang dicipta oleh masyarakat tradisional, iaitu merujuk permainan budaya yang sudah dianugerahkan oleh masyarakat itu untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional ini juga sebagai pelengkap alam kanak-kanak pada masa silam untuk berkongsi keriangan dan kegembiraan.

Permainan tradisional ini dapat meningkatkan daya kreativiti dan memupuk semangat berpasukan. Tanpa melihat warna kulit mahupun agama, permainan tradisional dihargai sebagai permainan rakyat yang dapat menghidupkan kesuburan norma kehidupan murni. Kini, kerajaan sudah pun menjadikan permainan tradisional sebagai platform untuk menarik kedatangan pelancong asing ke negara kita. Yang di luar jangkaan, pelancong asing beresa teruja dan takjub dengan warisan bangsa kita dan sanggup tinggal lebih lama di sini hanya untuk mempelajari permainan tradisional kerana pelancong sedar akan peribahasa “ambil menyelam, minum air”. Hal ini selali gus menjadi pendapatan negara melalui industri pelancongan yang semakin meningkat.

Usaha menghidupkan kembali permainan tradisional boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan menubuhkan kelas permainan tradisional dalam aktiviti kokurikulum. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi, syair, permainan tradisional dan seni pertahaman diri. Seterusnya, penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat perlu dilakukan melalui media massa. Hal ini dikatakan demikian kerana media merupakan saluran utama dalam pencarian maklumat terutama dalam kalangan remaja. Jabatan Warisan Negara menganjurkan festival dan kempen bagi mengefengahkan permainan tradisional kepada masyarakat agar dapat menanamkan rasa cinta terhadap warisan negara kepada generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara”
oleh Samat Buang
Desran Siswa, Jun 2015

Bahan 2 – Grafik

Sumber: www-permainan-tradisional.html

PENDAHULUAN	
..... membincangkan _____ fokus 1 _____ dan _____ fokus 2 _____.	
..... membincangkan kelebihan/keistimewaan/kepentingan dan usaha/cara/langkah mempopularkan permainan tradisional.	
BAHAN 1 (TEKS)	
FOKUS 1- Kelebihan/keistimewaan/kepentingan permainan tradisional	FOKUS 2- Usaha-usaha/cara-cara/bangkuh-langkah melestarikan permainan tradisional
<ol style="list-style-type: none"> 1. meningkatkan daya kreativiti 2. memupuk semangat berpasukan 3. menarik kedatangan pelancong asing 4. menjana pendapatan negara 	<ol style="list-style-type: none"> 1. pihak sekolah dengan menubuhkan kelab permainan tradisional dalam aktiviti kurikulum. 2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kurikulum. 3. penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat perlu dilakukan melalui media massa. 4. Peranan Jabatan Warisan Negara juga penting dalam usaha memartabatkan permainan tradisional dengan lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan dan kempen bagi mengelengahkan permainan tradisional
GRAFIK	
FOKUS 1- Kelebihan/keistimewaan/kepentingan permainan tradisional	FOKUS 2- Usaha-usaha melestarikan permainan tradisional
<ol style="list-style-type: none"> 1. Sebagai hiburan 2. Mengisi masa luang 3. Warisan budaya 4. Produk Pelancongan 	-TIADA-
KESIMPULAN	
Kesimpulannya, semua pihak perlu berusaha melestarikan permainan tradisional agar permainan ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang.	

SET 2

Baca petikan dan bahan grafik dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 kata perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Sudah menjadi amalan rakyat Malaysia, tradisi atau amalan rumah terbuka seakan menjadi kementerian bagi setiap perayaan utama seperti Hari Raya, Deepavali dan Tahun Baharu Cina. Pada asasnya, kita melihat amalan rumah terbuka bukan sekadar untuk meraikan rakan taulan, tetapi ada rahmat yang tersembunyi di sebalik amalan rumah terbuka. Antaranya ialah dapat memupuk semangat kekitaan dan kejiranian. Warga kota misalnya, mereka tidak punya banyak masa untuk berkenal kenalan dengan lebih rapat dengan jiran mereka disebabkan kesibukan mengejar masa dan kerjaya, justeru, tradisi rumah terbuka secara tidak langsung merapatkan hubungan antara jiran tetangga.

Amalan rumah terbuka juga sangat berperanan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum .. Suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan dalam kepentingan amalan rumah terbuka kepada negara ialah memberi imej yang baik kepada negara untuk menarik perhatian pelancong-pelancong asing. Secara tidak langsung pendapatan negara semakin meningkat apabila industri pelancongan di negara kita semakin maju

Namun begitu, pengajuran rumah terbuka juga turut terpalit dengan perkara yang tidak sepatutnya untuk kita lihat. Salah satu daripadanya ialah masalah untuk menjaga kebersihan di tempat rumah terbuka itu diadakan. Hal ini disebabkan oleh sikap tetamu yang hadir, iaitu tidak mementingkan aspek kebersihan seperti membuang sisa makanan atau bungkusan makanan di merata-rata tempat. Selain itu, terdapat segelintir pihak yang mementingkan diri dan tidak menghiraukan orang lain. Ada tetamu yang berbuli-rebut semasa mengambil makanan atau bersikap tamak dengan mengambil makanan dalam jumlah yang banyak. Dalam keghairahan ini tanpa kita sedari telah berlakunya pembaziran makanan. Oleh hal yang demikian, konsep rumah terbuka perlu dihayati dengan mendalam oleh semua pihak. Dengan menghadirkan diri ke rumah terbuka sesuatu kaum itu, kita dapat melihat dan menyaksikan budaya masyarakat lain . Sekiranya konsep ini tidak difahami dan dihayati, ditakuti amalan rumah terbuka akan mendatangkan keburukan atau sekadar syarat sahaja untuk menganjurkannya

*Budaya unik rumah terbuka
Berita harian online
26 jida 2015*

BAHAN 2

SUASANA RUMAH TERBUKA



Sumber: www-permainantradisional.html

PENDAHULUAN	
BAHAN 1 (FEKS)	
FOKUS 1- Kebaikan amalan rumah terbuka	FOKUS 2- kekangan /kelemahan amalan rumah terbuka
GRAFIK	
FOKUS 1- Kebaikan amalan rumah terbuka	FOKUS 2- kekangan/kelemahan amalan rumah terbuka
KESIMPULAN	
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama menjayakan amalan rumah terbuka agar kehidupan lebih sejahtera	

SET 3

Rumusan

[30 markah]

Baca petikan dan bahan grafik dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa menguluh maksud asal petikan.


Pengambilan sarapan ialah amalan rutin bagi sesetengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi dan sebelum memulakan sesuatu urusan seperti belajar atau bekerja. Ramai yang tidak mengetahui bahawa pengambilan sarapan merupakan pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori sepanjang hari. Tinjauan Pemakanan Dewasa Malaysia melaporkan, golongan dewasa berusia antara 18 hingga 39 tahun tidak gemar mengambil sarapan berbanding makan tengah hari dan malam.

Pengambilan sarapan secara tidak langsung dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan sehari-hari selain membantu seseorang untuk fokus di tempat kerja atau sekolah. Masyarakat tidak menyedari bahawa terdapat banyak impak negatif sekiranya mengabaikan sarapan. Orang yang tidak bersarapan bersa lebih cepat lapar dan cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seterusnya. Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa makanan alternatif seperti madu dan minyak zaitun boleh diambil ketika sarapan kerana makanan tersebut dapat membekalkan tenaga kepada pengambilnya.

Banyak kajian mendapati bahawa sarapan pagi menurunkan tahap kolesterol jahat, iaitu lipoprotein berketumpatan rendah di dalam darah. Kolesterol ini amat membahayakan kesihatan diri kerana boleh menyebabkan pemendakan lemak dan menyempitkan salur darah. Oleh hal yang demikian, mereka yang mengabaikan sarapan boleh membawa kepada risiko mendapat penyakit berbahaya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sarapan Cegah Penyakit'
oleh Mohd. Faizal Mat Salleh,
Dewan Kosmik, Bil 9 / 2018

BAHAN GRAFIK



PENDAHULUAN	
BAHAN I (TEKS)	
GRAFIK	
KESIMPULAN	

KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

SOALAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata kerja. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Pembangunan industri pelancongan yang berdasarkan teknologi digital amat penting bagi memastikan objektif Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 menjadi kenyataan. Untuk itu, bagi menggalakkan pelaburan pelancongan yang berpusatkan teknologi, Malaysia akan mewujudkan zon pelaburan untuk projek pelancongan. Zon ini dijangka akan meningkatkan kerjasama awam dengan swasta serta menarik lebih banyak pelabur tempatan dan antarabangsa dalam bidang teknologi digital sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memperkuat Industri Pelancongan Negara'
oleh Normah Ahmad Noor
Dewan Masyarakat, Bil 02/2021

[6 markah]

SOALAN 2

Berdasarkan petikan di bawah ini, bina enam ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Pada masa ini masih terdapat ‘projek sakit’, iaitu projek perumahan terbengkalai yang berlaku kerana pemaju menghadapi masalah kewangan. Apabila wujud fenomena tersebut, pembeli yang menjadi mangsanya. Kebanyakan projek yang bermasalah ini terletak di kawasan bandar. Mustahil pemaju mampu membayai projek pembinaan jika terpaksa mengeluarkan modal sendiri untuk membina rumah. ‘Projek sakit’ itu wujud dari dahulu sampaikan sekarang. Dengan itu, wajar jika pihak komunitarian perumahan meningkatkan penghatkuaan dan menderida pemaju jika tidak memylapkan projek mengikut jadual.

Dipetik daripada
'Pemantauan terhadap Pemaju Patut Lebih Tegas'
Berita Harian, 7 April 2018.

[6 markah]

SOALAN 3

Dalam Petikan 1, terdapat lima kesalahan bahasa manakala Petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senarakkan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Kepelbagaiannya agama dan kaum yang terwujud dalam sesebuah negara menjadikan negara tersebut unik berbanding dengan negara yang mempunyai satu kaum sahaja. Walaubagaimanapun, keunikkan tersebut jika tidak ditangani atau dimanfaatkan boleh menjerat kaum terbabit. Pengenalan pelbagai akta berkaitan agama dan kaum menunjukkan betapa pentingnya mengongkong ancaman terhadap keharmonian dan perpaduan kaum. Jika sekiranya, isu perkauman dan sensitiviti agama tidak ditangani dengan betul, dibimbangi negara ini akan menjerumus dalam kancang konflik etnik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kerelevan Akta Kebencian agama dan kaum'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof
Dewan Masyarakat, Bil 10/2018

Petikan 2

Transformasi pendidikan yang dilakukan oleh kerajaan dengan menaiktaraf sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional kelihatan sebagai salah satu usaha kerajaan untuk memperkasakan bidang kemahiran. Dengan meningkatkan taraf kelulusan daripada sijil kepada diploma, mampu melonjakkan keyakinan pelajar kemahiran yang selama ini merasakan bahawa mereka merupakan kumpulan pelajar kelas kedua berbanding pelajar aliran akademik. Pelbagai perubahan dilakukan dari segi mutu pendidikan, fasiliti dan kursus yang dilaksanakan agar bertanding dengan kolej lain, serta mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh Memperkasakan Bidang Kemahiran'
oleh Samat Buang
Dewan Siswa, Bil 9/2018

[6 markah]

SOALAN 4

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka kata scorang hamba Allah diani di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzirkir. Barang ke mana orang itu pergi , panah itu dibawanya. Maka tetkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada mengadap Sultan Muzaffar Syah.

Dipetik daripada 'Burung Ferbang Dipipiskan Lada'
antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia (ms36)

[6 markah]

SOALAN 5

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa.Senaraikan tiga peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid bagi isi dengan kuku.

Selain itu, mereka perlu berusaha dengan gigih untuk menempa kecemerlangan kerana usaha tangga kejayaan. Sebagaimana yang diketahui, resepi kejayaan seseorang murid ialah permuaafakan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program kerana muafakat membawa berkat dan secara tidak langsung memberikan kejayaan kepada murid tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN B

(35 Markah)

[Masa dicadangkan : 45 minit]

SOALAN 6

Petikan 1

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1


Rasuah merupakan penyakit sosial yang banyak memberi kesan buruk bukan sahaja terhadap individu bahkan juga kepada masyarakat dan negara. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mendidik masyarakat tentang bahaya rasuah. Tangkapan demi tangkapan membabitkan penjawat awam telah dilakukan oleh SPM. Termyata operasi besar-besaran hasil daripada komitmen dan iltizam pihak SPM untuk membersihkan rasuah dalam kalangan penjawat awam mula menampakkan hasil yang jelas. Hampir setiap minggu pasti ada pendakwaan yang dilakukan oleh SPM terhadap penjawat awam yang terlibat dalam rasuah.

Gejala rasuah yang tidak dibendung akan menyebabkan kehidupan masyarakat menjadi tidak harmoni. Sebagai contohnya, sikap prasangka buruk akan timbul terhadap jiran yang mempunyai harta yang banyak tetapi tidak sesuai dengan pendapatan bulanannya. Gejala rasuah yang berlaku juga akan mengganggu-gugat perkembangan ekonomi negara. Hal ini disebabkan oleh pelabur asing takut untuk datang melabur di negara ini kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk memberi rasuah kepada pihak yang meluluskan permohonan perniagaan. Selain itu, perbuatan rasuah dalam pemberian tender kerajaan boleh menyebabkan kos meningkat kerana peniaga ingin mengitibangi keuntungan.

Rasuah menyebabkan harga barang menjadi lebih mahal kerana peniaga terpaksa menaikkan harga jualan atau perkhidmatan untuk menampung wang rasuah yang terpaksa dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu. Sesungguhnya, imej negara pasti akan tercemar jika amalan rasuah terus berleluasa di negara kita. Impaknya, rakyat negara luar pula akan beranggapan bahawa rakyat Malaysia kurang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Kegiatan rasuah juga akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi kerana tadbir urus meminggirkkan integriti.

Diperik dan ditambah suai daripada
'Pulihkan Integriti Penjawat Awam'
oleh Noor Mohamad Shakil Hameed,
Berita Harian, 17 Januari 2017

Bahan 2



Sumber Internet

- (i) Berdasarkan bahan 1, berikan maksud *menampakkan hasil*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk bahan 1 dan bahan 2, nyatakan impak-impak gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang mendorong seseorang penjawat awam terlibat dengan gejala rasuah?
[3 markah]
- (iv) Kawan anda telah mengadu bahawa beliau telah terpedaya dengan pujuhan pihak ketiga supaya memberi kelulusan tender pembinaan salah sebuah bangunan pentadbiran kerajaan dan menyogoknya sebanyak RM 1.5 juta pada tahun lepas. Kini, kawan anda dalam keadaan gelisah dan takut atas penglibatannya dengan rasuah. Sebagai kawan yang setia, apakah tindakan yang perlu anda ambil bagi membantu kawan daripada terus hergelumang dengan gejala rasuah?
[4 markah]

SOALAN 7

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku tali. Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boloh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi bagitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padipun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tuduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh *menolong langsung*.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

(Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper,
oleh Shahnun Ahmad
dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Bahan 2

1	Aku mendongak langit membaca garis dan titik menuakuli kebesaran-Mu di bawahnya gumpulan mega hemusian bayu dan hanjaran gunung.	4	Aku membaca langit Kutemui bulan dan bintang menangis meratapi luka nasib bangsa.
2	Kuselusuri alam kicauan burung desiran ombak dan wajah pelangi mewarnai kehidupan umat-Mu.	5	Aku mendongak lagi menitis air mata langit membasahi bahasa Melayuku yang berdarah.
3	Aku mendongak lagi membaca langit di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh dahan dan ranting terkulai daun-daun berguguran helai deuri helai di lantai tanah airku yang makmur.		Razli Mohd. Yussof

- (i) Berdasarkan bahan 1, berikan maksud rangkai kata *menolong langgung*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan bahan 1 dan bahan 2, apakah yang telah terjadi kepada alam sekitar?
[3 markah]
- (iii) Negara kita semakin maju, tetapi masalah alam sekitar semakin incijadi-jadi.
Pada pendapat anda, apakah punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi?
[3 markah]
- (iv) Anda tinggal berhampiran dengan kawasan pencemaran sungai akibat daripada penorokaan hutan secara haram.

Sebagai pencinta alam, komukakan tindakan yang patut anda lakukan untuk mengelakkan fenomena tersebut daripada terus mengancam kesejahteraan penduduk berhampiran?
[4 markah]

SOALAN 3 – NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Ah, kegiatan cetak rompak!" Datuk Yasser dengan nada geram mengejukan Zahid daripada konsentrasiinya. "Begitulah Malaysia di mata dunia, teknologi kelas pertama, mentaliti masih kelas ketiga, kesal nada Datuk Yasser. "Walaupun pahit, kita harus mengakui kebenaran taklid orang luar. Kita mempunyai sistem pengawalan yang lemah. Sebab itu perkara ini berlaku." Datuk Yasser tidak menafikan kebenaran.
"Cetak rompak terukkah di sini, er ... di Malaysia abah?" Zahid membentulkan sasur, lupa mereka berada di luar tanah air.
"Hmm ... Begitulah. Selagi ada permintaan, selagi itu cetak rompak berleluasa. Sukar untuk dibendung. Pelaku tidak serik pun denda sebanyak RM3000.00 jika menjual setiap keeping cakera padat dan tindakan buang daerah pula," katanya sambal melipat akhbar lalu membiarkannya di atas meja dan mengalihkan pandangan ke arah anak lelakinya itu.

Dipetik daripada novel *Tirani*,
karya Beb Sabariah,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mengapa kegiatan cetak rompak sukar dibendung?

[4 markah]

- (ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan keistimewaan watak utama sehingga menimbulkan perasaan kagum dalam diri anda.
[6 markah]

BAHAGIAN C – RUMUSAN

[30 Markah]

{Masa yang dicadangkan : 45 minit}

Bahan 1

Baca petikan dan bahan grafik dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Menjijikkan! Suatu gambaran kesedihan pencinta alam sekitar apabila melihat keadaan lemu Sungai Klang dan Sungai Gombak. Kedua-dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur itu sepatutnya menjadi destinasi yang menarik untuk warga kota beriadah dan berekreasi, tetapi menjadi tempat paling memuakkan kerana persekitaran sungai telah menjadi sarang penagih dadah. Timbunan sampah di tepi sungai putu menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus, lipas dan lalat.

Semasa pelancaran projek *River of Life*, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengingatkan betapa pentingnya warga kota mengubah sikap mereka dalam memastikan kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ingatan tersebut disampaikan kerana pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan supaya air sungai dapat terus mengalir. Namun begitu, usaha-usaha tersebut belum mampu mengubah nasib sungai di bandar raya itu. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menilai semula kempen mengubah budaya membuang sampah untuk menyedarkan warga kota. Oleh hal yang demikian pihak penguasa perlu memainkan peranan dengan melaksanakan dan menguasakan undang-undang yang herkaitan dengan tegas.

Dalam hal ini, DBKL mesti merangka suatu pendekatan proaktif yang lebih komprehensif untuk memastikan keberkesanannya program yang dijalankan. Untuk tujuan itu, DBKL perlu mengaktifkan program sungai angkat selain menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai. Di samping itu, para pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemuliharaan sungai yang dicemari oleh aktiviti mereka sendiri. Dalam menangani permasalahan ini juga, warga kota mesti bekerjasama bagi meminimumkan pencemaran sungai agar sungai di bandar dapat dipulihara.

Dipetik dan diubahsuai daripada
“Memulihara Sungai di Bandar”
Oleh Abdul Kadir Mohd. Ayub
Dewan Masyarakat, Oktober, 2012

BAHAN GRAFIK



Sumber: Internet

- TAMAT -



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN
SPM 2021**

SKEMA

BAHASA MELAYU

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Hanya **EMPAT** perkataan dan **EMPAT** ayat yang terawal sahaja diterima.
4. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambahkan / menukar imbuhan, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

[Maksimum : 4 markah untuk perkataan]**[Maksimum : 4 markah untuk ayat]****SOALAN 1**

BIL.	KATA ADJEKTIF	MAKSUD
1	bijak	Pandai/cerdik/pintar
2	baik	Memberi faedah apabila menggunakanya/elok
3	berhemah	Mempunyai budi pekerti yang mulia
4	kecil	Tidak besar

SOALAN 2

BIL.	KATA BANTU ASPEK	MAKSUD
1	akan	Bagi/buat/pada/untuk.Untuk menyatakan sesuatu kemungkinan.
2	masih	lagi
3	telah	Perbuatan dan lain-lain yang lampau
4	sudah	Telah siap sedia/lengkap
5	pernah	Sudah ada mengalami
6	sedang	Tengah/ketika

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

SOALAN 2: SINTAKSIS**Set 1**

1	1. FN + FN
2	2. FN + FK
3	3. FN +FSN

[Maksimum : 6 markah]**Set 2**

1	Persembahan makyung yang sungguh unik dapat disaksikan oleh penulis
2	Persembahan seni tradisional makyung dihadiri oleh ramai penonton yang berlangsung pada pukul 8.30 malam.
3	Bantuan daripada pihak yang berwenang diperlukan oleh penggila makyung untuk mempromosikan makyung

[Maksimum : 6 markah]**Set 3**

1	Banyak kajian menunjukkan bahawa bersenam mampu menjadikan kehidupan yang lebih baik
2	2. Banyak kajian menunjukkan bahawa bersenam boleh mempanjangkan umur.
3	3. Mereka yang tidak aktif mudah mendapat penyakit kencing manis
4	4. Mereka yang tidak aktif mudah mendapat penyakit jantung
5	5. Kajian menunjukkan bahawa rakyat di negara ini kurang bersenam
6	6. Kajian menunjukkan bahawa rakyat di negara ini kurang bersukan

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**Set 1****Petikan 1**

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	tergabung	bergabung	imbuhuan
2	pada	di	Tatabahasa
3	Bila	apabila	tatabahasa
4	Terang-terang	Bulat-bulat	Istilah
5	professional	profesional	Ejaan
6			

[Maksimum : 5 markah]

Petikan 2

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	dari	Daripada	Tatabahasa
2	Penolakkan	penolakan	Ejaan
3	insentif	inisiatif	Istilah
4	keselesaan	Menyelesaikan	imbuhuan
5	Berbagai isu	Berbagai-bagai/pelbagai isu	Tatabahasa
6	diperluaskan	diperluas	imbuhuan

[Maksimum : 6 markah]

Set 2**Petikan 1**

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	setengah-tengah	Sesetengah/scengah-setengah	Tatabahasa
2	Mula	Bermula	Imbuhan
3	Bekerja	bekerja	Imbuhan
4	Didalam	Di dalam	Tatabahasa
5	Kewajiban	Kewajipan	Ejaan
6	ajaran	Amalan	Istilah
7	Paling optimum sekali	Paling optimum/optimum sekali	Tatabahasa
8	berjaga	Terjaga	Imbuhan
9	Merasa	Berasa	Istilah
10	Kuatiti	Kuantiti	Ejaan
11	Kajian banyak	Banyak kajian	Tatabahasa
12	Menaikkan	Meningkatkan	Istilah
13	koleseterol	colesterol	imbuhuan

[Maksimum : 13 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

Set 3

Petikan 1

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	Ujian	Cabaran	Istilah
2	Di	Pada	Tatabahasa
3	idcatalogi	Idiologi	Ejaan
4	Saling berlumba-lumba	Saling berlumba/berlumba-lumba	Tatabahasa
5	Tumpuan	Menumpukan	Imbuhan
6	Dititik beratkan	dititikberatkan	ejaan

[Maksimum : 6 markah]

Petikan 2

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	berbariskan	Membariskan	Imbuhan
2	Longgar	Luas	Istilah
3	Minimum	Minimum	Ejaan
4	Mencerminkan	Mencerminkan	Imbuhan
5	ialah	adalah	Tatabahasa
6			[Maksimum : 5 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Set 1

Pemarkahan Soalan 4 mengikut Kriteria dan Deskripsi berikut :

Kriteria	Deskripsi	Markah
Baik	<ul style="list-style-type: none"> • Isi cukup • Ayat gramatis 	6
Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> • Isi masih cukup • Ayat masih gramatis 	4
Lemah	<ul style="list-style-type: none"> • Isi tidak cukup • Ayat tidak gramatis 	2

[Maksimum : 6 markah]

Berapa lamanya hari pun malamlah. Kemudian Kertala Sari bersiap/menyamar dan masuk berjalan ke dalam kota. Selepas itu, dia masuk ke rumah dan melihat seorang saudagar kaya. Kertala Sari melihat saudagar tersebut sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari masuk makan bersama-sama saudagar itu. Setelah larut malam, saudagar itu masuk tidur.

[Maksimum: 6 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN**Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021****Set 2**

Tun Perak menjelaskan kepada Seri Amerla bahawa semuanya telah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Lalu Sultan tersenyum sambil bertitah, “benar seperti kata Tun Perak itu.”

Selepas itu baginda mengambil sirih dari tempat baginda dan di suruh berikan kepada Tun Perak. Lalu baginda bertitah kepada Tun Perak, “Tun Perak tidak sepatutnya tinggal di Kelang lagi, baiklah Tun Perak tinggal di negeri/ Melaka ini.”

[Maksimum: 6 markah]

Set 3

Laksamana datang menghadap sembah, “Ampun tuanku, ada seorang askar upahan/ perajurit bukan calang-calang kerana dia lebih handal daripada patik. Jika tuanku memberikan keizinan, patik memohon untuk bertarung dengan askar upahan/perajurit itu.”

[Maksimum: 6 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA**Set 1**

Berikan **2 markah** bagi setiap peribahasa yang dapat dinyatakan dengan tepat.

1	Bagai aur dengan tebing
2	Ular menyusur akar tidak akan hilang hisanya.
3	Berat sama dipikul , ringan sama dijinjing

[Maksimum : 6 markah]

Set 2

1	seperti lipas kudung
2	alah bisa tegal biasa.
3	hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

[Maksimum : 6 markah]

Set 3

1	Bagai aur dengan lebing//bagai inai dengan kuku/bagai empedu lekat di hati
2	Usaha tangga kejayaan/di mana ada kemahuan, di situ ada jalan/yang bulat tidak datang bergolch, yang pipih tidak datang melayang/kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
3	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 6- Petikan Umum

Set 1

(i) **Maksud gagal mematuhi**

- Tidak berjaya mengikuti

(ii) langkah yang diambil oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan

Bahan 1

- menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan di pintu masuk sekolah.
- menggunakan khidmat polis atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mengawal lalu lintas di hadapan sekolah ketika murid tiba dan pulang dari sekolah

Bahan 2

- Kementerian Pendidikan menamatkan kontrak 24 buah syarikat keselamatan di sekolah seuruh negara pada tahun lalu kerana tidak memberi prestasi perkhidmatan yang memuaskan
- tidak membentarkan warga asing diambil syarikat keselamatan untuk menjadi anggota pengawal keselamatan di sekolah
- Pihak pengurusan sekolah bersama-sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diminta melaporkan dengan segera dan telus sekiranya syarikat keselamatan sekolah tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan

Calon mesti mengambil SATU isi daripada Bahan 1 dan SATU isi daripada Bahan 2

(iii) tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa

- Menunggu anak-anak di luar pagar sekolah ketika waktu pulang dari sekolah
- Meluangkan masa untuk mengambil anak-anak pada setiap hari ketika waktu pulang dari sekolah
- Menggunakan perkhidmatan pengangkutan bas sekolah yang berdaftar untuk mengambil anak dari sekolah
- Sentiasa menasihati anak-anak supaya tidak merayau dan terus pulang ke rumah ketika waktu pulang dari sekolah

perkara-perkara yang wajar saya lakukan

(iv)

- Memaklumkan pengawal keselamatan /pihak sekolah/guru
- Menelefon keluarga murid tersebut
- Memujuknya supaya bersabar/tidak menangis
- Menemani sehingga ayahnya sampai
- Melaporkan hal ini kepada pihak polis

PANDUAN PEMARKAHAN**| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021****Soalan 7- Petikan Sastera**

- (i) Maksud *mempunyai kekuatan*
- Memiliki kekuasaan / keteguhan
- (ii) Sebab-sebab kita perlu memelihara bahasa kebangsaan

Bahan 1

- itulah sahaja warisan kita yang tinggal
- Bahasa jiwa bangsa

Bahan 2

- Bahasa kebangsaan penyatu warga
- Bahasa kebangsaan milik Bersama
- Bahasa kita lambang jadi diri

Calon mesti mengambil SATU isi daripada Bahan 1 dan SATU isi daripada Bahan 2

- (iii) Kita perlu menguasai bahasa Inggeris
- Bahasa Inggeris bahasa antarabangsa
 - Untuk menambahkan ilmu pengetahuan kerana banyak bahan bacaan dalam bahasa Inggeris
 - Memudahkan untuk berkomunikasi dengan orang asing
 - Menaikkan taraf diri kita di mata masyarakat luar
- (iv) Langkah-langkah
- Mengur/menasihi rakam-rakan secara berhemah
 - meminta guru mengur/menasihi di dalam kelas
 - menampal risalah /poster berkaitan bahasa kebangsaan di dalam kelas
 - mengajak menyertai kompen-kempen/ kem-kem bahasa/ ceramah-ceramah yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan.
 - menghadiahkan buku-buku/ novel-novel/ bahan bacaan/ majalah dalam bahasa Melayu.

Set 2**Soalan 6- Petikan Umum**

- (i) Maksud nilai estetika
- Taraf / kualiti keindahan
- (ii) Nilai estetika yang boleh dijadikan produk pelancongan

Bahan 1

Seni warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi, syair, permainan tradisional dan seni pertahanan diri

PANDUAN PEMARKAHAN**| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021****Bahan 2**

5.19 juta hektar yang meliputi hutan paya laut, dataran lumpur, hutan nipah, hutan paya air tawar, hutan paya gambut, tasik, tasik hadam kuda sistem sungai, kawasan rawa, sawah padi, dan kawasan pinggiran pantai.

- (iii) Apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan tempat-tempat menarik sebagai destinasi pelancongan di Malaysia?

P1-promosi dalam media sosial/media massa

P2-menyediakan infrastruktur yang lengkap di kawasan pelancongan baharu

P3-Kerajaan membuat kajian dan penyelidikan tentang potensi tempat tersebut

P4-Kerajaan memberikan insentif kepada pengusaha pelancongan baharu

P5-Mewartakan tempat tersebut sebagai ekopelancongan

- (iv) Anda dan rakan-rakan sedang berhemah di kawasan hutan paya air tawar di tempat tinggal anda. Tiba-tiba hujan turun dengan lebatnya menyebabkan kumpulan anda terperangkap kerana paras air meningkat dengan mendadak.

Sebagai ketua kumpulan, apakah tindakan yang wajar anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Tindakan:

P1-Meminta ahli kumpulan bersabar dan bertenang

P2-Memastikan keselamatan ahli/ mencukupi

P3-Berpindah/ bergerak ke tempat yang lebih tinggi/ selamat

P4-Menghubungi pihak berkuasa/ ibu bapa/guru

Soalan 7- Petikan Sastera

- (i) Berikan maksud rangkap 1 dalam bahan 1.

Usia bumi kian lanjut. Bumi khawatir apabila berhadapan dengan masalah tiada sesiapa yang akan memelihara dan memuliaranya. Bumi yang semakin tua dan uzur tidak lagi mampu menanggung beban manusia yang menjadi penghuniinya.

- (ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan kesan-kesan kemaslahatan alam sekitar akibat aktiviti manusia

Bahan 1-

banjir

Tsunami

Gempa bumi

Ribut taufan

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

Babai 2

Membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan

Hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam

Pohon-pohon tembusu padang, meranti, seraya, meranti dan tembaga di kawasan simpan sudah tiada

- (iii) Alam Sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.

Kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini

P1-Habitat semula jadi flora dan fauna

P2-Ekosistem semula jadi untuk bekalan oksigen

P3-Hutan semula jadi untuk keselimbangan suhu / mengawal kepanasan

P4-Bekalan kayu-kayu bermutu tinggi/ sumber ekonomi / pelancongan

P5-Khazanah berharga negara untuk warisan generasi akan datang

- (iv) Pada suatu pelang, anda dan beberapa rakan sedang memancing ikan di sebatang sungai berhampiran kawasan hutan simpan yang berada tidak jauh dari kawasan anda. Tiba-tiba anda terdengar bunyi gergaji dan diikuti pokok yang tumbang di kawasan hutan tersebut. Anda dan rakan cuba meninjau lokasi yang mencurigakan dan mendapati terdapat dua orang awam sedang melakukan penebangan di kawasan hutan simpan itu.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dan rakan-rakan anda dapat membantu pihak berkuasa untuk mengalasi masalah ini?

P1-Menegur perbuatan tersebut secara berhemah

P2-Mengumpul bukti / Merakam perbuatan tersebut

P3-Melaporkan kejadian tersebut kepada ketua kampung

P4-Melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa / Jabatan Perhutanan

SKEMA SOALAN NOVEL:

Latihan Soalan Pemindahan Maklumat:

- (i) - gagal dalam peperiksaan semester terakhir
- akibat desas-desus negatif yang timbul daripada jiran tetangga
- tekanan yang tidak henti-henti daripada keluarganya
- tekanan yang tidak henti-henti daripada teman wanitanya
- (ii) - mampu membebaskan udara panas keluar
- menyeduh ruang di dalam rumah
- menyambut udara
- (iii) - mereka mengaut hasil kekayaan negara kita
- membawa pulang kekayaan ke negara mereka
- orang Melayu dibiarakan duduk di kampung menjadi penanam padi dan penorch getah
- (iv) - reka bentuk diinspirasikan oleh rumah Api Almnara, Somalia.
- menonjolkan reka bentuk kubah
- terdapat platform melengkung dan mengelilingi kubah / sebuah platform yang mengelilingi kubah yang mempunyai ketinggian 50 meter
- menyediakan ruang pencerapan mata kasar

Latihan Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) :

- a. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, wajarkah pengarang mengakhiri cerita seperti yang terdapat novel tersebut? Berikan alasan anda.

Novel Pantai Kasih

- Pengakhiran cerita adalah wajar. Alasan:
 - Doktor Uwang terlibat dalam kemalangan dan dihantui oleh kesalahannya yang lalu. Doktor Raiha melakukan pembelaan terhadap Doktor Uwang yang cedera teruk walaupun dia tahu yang Doktor Uwang bukanlah seorang ketua dan majikan yang baik. Peristiwa ini wajar kerana Doktor Uwang telah menerima pembalasan atas sikapnya yang mementingkan diri sendiri. Selain itu, kita juga perlu membantu orang lain walaupun tidak sependapat dengan mereka.
 - Sister Felicia Landosi memohon maaf daripada Doktor Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz pada malam kematian anak perempuannya itu. Peristiwa ini wajar kerana Felicia berani mengakui kesalahan diri sehingga punca sebenar kematian Rohayu terungkap.
 - Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia atas penglibatannya dalam kebakaran kereta Doktor Sadiz sehingga anak kesayangannya terkorban. Peristiwa ini wajar kerana kita perlu memaafkan kesalahan orang lain agar diri kita dan orang tersebut mendapat ketenangan hidup.
 - Doktor Raiha menerima semua takdir yang berlaku dan menyatakan bahawa dirinya dan Felicia menjadi mangsa keadaan. Peristiwa ini wajar kerana kita perlu reda menerima takdir Tuhan dan perlu memulakan sejarah baru dalam meneruskan kehidupan.

Novel Bimasakti Menari

- Pengakhiran cerita adalah wajar. Alasan:
 - Tan Sri Muhammin bernikah kali kedua dengan bekas isterinya, Puan Maryam Wickham Abdullah. Peristiwa ini amat wajar kerana doa Muhammad Taufik selama ini dimakbulkan oleh Tuhan. Penikahan kali kedua ini akan memberikan harapan baharu kepada keluarga Tan Sri Muhammin.
 - Tan Sri Muhammin mengadakan kenduri kesyukuran di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor kerana anak dan isterinya telah kembali ke pangkuannya. Peristiwa ini wajar kerana kita perlu bersyukur kepada Tuhan apabila masalah yang kita hadapi diberikan jalan keluar oleh Allah.
 - Dato' Johann Arlington-Majid, musuh perniagaan dan peribadi Tan Sri Muhammin bakal menghadapi pengadilan.
 - Peristiwa ini dikatakan wajar kerana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang mesti diambil tindakan untuk dijadikan teladan.
 - Muhammad Taufik melamar Nurul Hafsa sebagai isterinya. Peristiwa ini wajar kerana Nurul Hafsa memang serasi dengan Muhammad Taufik. Mereka mempunyai wawasan yang sama, saling mengenali dan menghadapi suka duka bersama dalam usaha melestarikan alam sekitar.

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

- Nurul Hafsa menerima mesej daripada Muhammad Taufik yang menyatakan mereka ialah kelip-kelip yang terakhir di dunia.
Peristiwa ini wajar kerana Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa boleh diibaratkan sepasang remaja pecinta alam yang menjadi cahaya dan harapan dalam mengembalikan kegelapan Langit dan pengekalan habitat kelip-kelip di Kuala Selangor.

- b. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang dapat dijadikan pedoman kepada pembaca.

Novel Pantai Kasih

- Peristiwa : Raiha tabah dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi pakar bedah walaupun pada peringkat awalnya cita-cita tersebut dihalang oleh bapanya. Raiha juga tabah semasa mengetahui anak yang dikandungnya akan dilahirkan tidak normal. Raiha tidak bersetuju apabila Doktor Sadiz memintanya menggugurkan kandungan tersebut. Raiha tabah menghadapi konflik rumah tangga dan kematian Rohayu.
Pedoman : Kita hendaklah tabah menghadapi liku-liku kehidupan.
- Peristiwa : Doktor Raiha prihatin terhadap nasib yang menimpa Unong Siron. Baginya pembedahan sebanyak enam kali tidak sepatutnya berlaku apakah lagi doktor yang melakukan pembedahan tersebut adalah doktor pakar yang bukan calang-calang. Datu Ontong meminta Doktor Uwang menghantar Pak Usunya, Doktor Sadiz dan Felicia Londosi kerana himbang akan keselamatan mereka sebaik sahaja berakhirnya majlis sambutan tahun baru di rumah Doktor Uwang.
Pedoman : Kita hendaklah prihatin terhadap masalah orang lain.
- Peristiwa : Sister Felicia Londosi memohon maaf kepada Raiha kerana tidak menceritakan hal senar punca kematian Rohayu. Sister Felicia Londosi mengaku dia membantu Doktor Sadiz membeli minyak petrol untuk membakar kereta yang telah menyebabkan kematian Rohayu. Dia juga memohon maaf kerana tidak hadir semasa perbicaraan kes kematian Rohayu di mahkamah kerana takut.
Pedoman : Kita hendaklah berani mengaku kesalahan.
- Peristiwa : Raiha menegur sikap Sister Felicia Londosi yang bertindak kurang sopan semasa melayan keranah ibu Unong Siron. Raiha terpaksa melakukan pembedahan kali keenam Unong Siron kerana mahu dia pulih seperti sediakala. Pada peringkat awal Raiha keberatan untuk melakukan pembedahan tersebut kerana pada pendapatnya orang yang paling layak melakukan pembedahan tersebut ialah Doktor Uwang. Namun kerana sikap prihatin Raiha menyebabkan dia melakukan juga pembedahan tersebut.
Pedoman : Kita hendaklah prihatin terhadap orang lain.
- Peristiwa : Sister Felicia Londosi berasal dari kawasan pedalaman Inanam di Sabah. Berkat usaha gigih dan kerajinan Sister Felicia berjaya menjadi juturawat di Hospital Kinabalu dan Pusat Rawatan Pantai Kasih. Raiha juga digambarkan seorang yang rajin belajar daripada mentornya Doktor Uwang sewaktu menurut di pusat pengajian tinggi. Raiha sanggup melakukan apa-apa sahaja yang diminta oleh mentornya termasuk membuat demonstrasi pembedahan dan akhirnya dia berjaya menjadi pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
Pedoman : Kita hendaklah gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.
- Peristiwa : Felicia Londosi memberitahu Raiha punca kematian anaknya yang disebabkan sikap amarah bekas suaminya Doktor Sadiz yang membakar kereta Porshe tanpa menyedari kehadiran anaknya Rohayu. Namun Raiha reda dengan kejadian tersebut dan menganggap semua yang berlaku merupakan ketentuan Tuhan. Dia juga tidak menyalahkan sesiapa termasuk Felicia.
Pedoman : Kita hendaklah reda dengan ketentuan Tuhan.

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

- Peristiwa : Raiha begitu menyayangi anaknya. Rohayu walaupun sudah mengetahui anaknya cacat sebelum dilahirkan lagi. Bagi Raiha anaknya itu ada hak untuk hidup dan mendapat kasih sayang. Selepas Rohayu dilahirkan, Raiha menjaga sendiri anaknya dan enggan menghantar ke pusat jagaan kanak-kanak istimewa kerana sangat menyayangi Rohayu.
Pedoman : Kita mestilah menyayangi ahli keluarga.
- Peristiwa : Raiha berani mempertahankan bahawa kesalahan atas kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh Doktor Sadiz. Ibu Unong Siron berani mempertikaikan rawatan yang diberikan oleh Doktor Uwang kepada anaknya yang terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali di tempat yang sama tetapi tidak juga sembuh.
Pedoman : Kita hendaklah berani mempertahankan pendirian
- Peristiwa : Doktor Sadiz tidak mahu memelibara anaknya, Rahayu dan ingin menghantar anaknya itu ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak sindrom down kerana malu akan pandangan masyarakat terhadapnya yang merupakan pakar bedah. Doktor Sadiz juga berasa angkuh apabila menangani perbicaraan kes penceraian dengan Doktor Raiha di mahkamah keluarga.
Pedoman : Janganlah kita bersikap angkuh dan mementingkan diri sendiri
- Peristiwa : Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritis setelah terlibat dalam kemalangan.
Pedoman : Kita hendaklah berkerjasama dalam menyelamatkan nyawa
- Peristiwa : Felicia Landosi akhirnya insaf akan kesalahannya yang terlibat secara tidak langsung dalam peristiwa yang menyebabkan kematian Ayu dan meminta maaf daripada Doktor Raiha serta berterus terang kepadanya.
Pedoman : Kita hendaklah mengakui kesalahan diri
- Peristiwa : Felicia Landosi kerap minum ubat batuk untuk melupakan masalah keluarga dan tekanan yang dihadapi sehingga lama-kelamaan dia menjadi ketagih. Begitu juga dengan seorang pemuda yang menyamar sebagai doktor di PRPK yang mengalami tekanan perasaan setelah gagal dalam peperiksaan dan ditinggalkan oleh kekasihnya.
Pedoman : Kita hendaklah bertindak negatif untuk mengatasi tekanan perasaan
- Peristiwa : Doktor Uwang gigih membangunkan empayar PRPK yang bermula dari pusat rawatan kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan ekslusif yang terkena.
Pedoman : Kita hendaklah gigih berusaha untuk mencapai kejayaan
- Peristiwa : Doktor Sadiz bertindak kejam terhadap isterinya, Doktor Raiha dengan memaksanya menggugurkan kandungan dan membiarkan Doktor Raiha hidup tanpa sokongan daripada suami. Doktor Sadiz juga telah membakar keretanya sehingga menyebabkan kematian anaknya
Pedoman : Janganlah kita bertindak kejam terhadap orang lain

Novel Bimasakti Meuari

- Peristiwa : Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik berusaha untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai kawasan gelap untuk memastikan khasanah alam seperti kelip-kelip dan pencerapan bintang terus dinikmati oleh masyarakat setempat dan pelancong.
Pedoman : Kita hendaklah mencintai alam sekitar agar kehidupan lebih selesa.
- Peristiwa : Muhamad Taufik sanggup bertemu dengan penjenayah di slesa minyak PETRONAS semata-mata tidak mahu keselamatan Nurul Hafsa yang telah diculik terancam.
Pedoman : Kita mestilah mempunyai sikap setiaawan dan membantu sahabat yang menghadapi kesusahan.

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

- Peristiwa : Muhamad Taufik menghormati tetamunya Budiman dan Nurul Hafsa yang berkunjung ke rumahnya. Akhirnya Nurul Hafsa yang salah sangka dan marah kepada Muhamad Taufik telah sedar dan menjadi sahabat baik kepada Muhamad Taufik.
Pedoman : Kita hendaklah saling menghormati supaya kehidupan kita menjadi harmoni.
 - Peristiwa : Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik tabah dalam menjalankan projek yang sedang diusahakan iaitu Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor walaupun usaha mereka berhadapan dengan cabaran dan tekanan daripada Dato' Johann Arlington- Majid.
Pedoman : Kita mestilah tabah dalam melaksanakan sesuatu kerja supaya matlamat kerja tersebut tercapai.
 - Peristiwa : Haji Yassir menghantar anaknya Nurul Hafsa ke Kampung Kuantan untuk mencerap kelip-kelip supaya anaknya tidak mengalami masalah untuk pergi ke tempat tersebut.
Pedoman : Ibu bapa mestilah bertanggungjawab terhadap anak-anak agar keselamatan anak-anak terjamin.
 - Peristiwa : Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik yang menjalankan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor dengan penuh amanah/tanggungjawab sehingga kertas cadangan mereka diterima oleh Menteri Besar.
Pedoman : Kita mestilah amanah/bertanggungjawab dalam menjalankan tugas agar tugas itu dapat dilaksanakan dengan baik.
 - Peristiwa : Nurul Hafsa gigih mengumpul data dan membuat perbentangan di hadapan Menteri Besar dalam usaha merealisasikan impianinya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap bagi tujuan pencerapan bintang dan pengekalan populasi kelip-kelip. Peristiwa ini memberikan Pedoman tentang pentingnya kegigihan jika kita inginkan sesuatu kejayaan.
Pedoman : Kita hendaklah gigih dalam melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya.
 - Peristiwa : Budiman sentiasa menjaga keselamatan dan kebaikan adiknya dengan menemani Nurul Hafsa ketika adiknya itu bertemu dengan Muhamad Taufik bagi mengumpul maklumat berkaitan kecerahan langit di Kuala Selangor.
Pedoman : Kita hendaklah menjaga keselamatan dan maruah ahli keluarga
 - Peristiwa : Nurul Hafsa dan seorang penduduk telah membuat aduan di Balai Polis Bestari Jaya untuk membantu pihak polis menumpaskan penjenayah yang mencedera dan menculik Muhamad Taufik.
Pedoman : Kita hendaklah bekerjasama dalam membanteras kegiatan jenayah
 - Peristiwa : Muhamad Taufik tidak membantah apabila ayahnya menyuruh mengikut ibunya ke Otago, New Zealand walaupun dia keberatan. Sebagai seorang anak, kita perlu taat kepada kedua-dua ibu bapa.
Pedoman : Kita hendaklah akur dengan kehendak ibu bapak kita
 - Peristiwa : Dato' Johann Arlington-Majid berasa marah dan dendam apabila syarikat Dedaun Emas kepunyaan Tan Sri Muhammin mendapat temder untuk menghasilkan produk lampu mesra alam.
Pedoman : Janganlah kita bersikap dendam akan kejayaan orang lain
- c. Watak utama dalam sesebuah novel sering menghadapi cabaran dalam hidupnya.
Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada **satu** peristiwa bagi setiap novel.

Novel Pantai Kasih

- Watak utama – Doktor Raiha

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

- **Cabarannya dalam memenuhi harapan seorang bapa**
Doktor Raiha menghadapi cabaran apabila bapanya tidak mahu dia menjadi seorang pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz yang dianggap sebagai seorang lelaki angkuh dan lebih berusia daripada bapanya.
- **Cabarannya menyelamatkan rakan setugas yang diimpas kemalangan**
Doktor Raiha melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritisikal setelah terlibat dalam kemalangan. Beliau terpaksa melakukannya demi tanggungjawab sebagai seorang doktor walaupun tidak suka dengan sikap Doktor Uwang yang memeningkan diri sendiri.
- **Cabarannya menghadapi anak yang tidak normal**
Doktor Raiha berhadapan dengan cabaran apabila anak tunggalnya, Ayu menghidap sindrom *Down* dan tidak disenangi oleh suaminya, Doktor Sadiz.
- **Cabarannya melakukan tugasnya difuar jangkaan**
Doktor Raiha menghadapi cabaran apabila terpaksa melakukan pembedahan kali keenam ke atas Unong Siron apabila Doktor Uwang yang sepatutnya melakukan pembedahan tersebut berhalangan melakukan tanggungjawab tersebut.
- **Cabarannya menghadapi kekejaman suami**
Doktor Raiha dipaksa oleh suaminya, Doktor Sadiz menggugurkan kandungannya apabila mengctahui bayi yang bakal dilahirkan itu tidak normal. Doktor Sadiz juga tidak mahu melepaskan Doktor Raiha semata-mata ingin menyakitkan hatinya.
- **Cabarannya melalui kenangan pahit.**
Doktor Raiha menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kenangan pahit yang mengorbankan anak kesayangannya dan peristiwa hitam yang membawa kehaneuran rumah tangganya bersama-sama Doktor Sadiz.

Novel Bimbasakti Menari

- Watak utama -- **Nurul Hafsa**
- **Cabarannya pada hari pertama bertugas sebagai penjawat awam**
Nurul Hafsa menghadapi cabaran pada hari pertama dia bertugas di Batai Cerap Sultan Salahuddin apabila 15 orang pelajar dan tiga orang pengiring mereka dari Jepun berasa kecewa kerana tidak dapat melihat bintang-bintang disebabkan langit di Kuala Selangor pada malam tersebut terlalu cerah.
- **Cabarannya melestarikan alam sekitar**
Nurul Hafsa terpaksa berhadapan dengan pelbagai tekanan dalam usaha melestarikan alam sekitar apabila Dato' Johann Arlington-Majid sengaja membawa kekeliruan dengan membidas segala hujah Nurul Hafsa agar projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor tidak dipersetujui oleh Menteri Besar. Dato' Johann juga mengupah penjahat untuk menculik Nurul Hafsa dalam usaha menggagalkan usaha Nurul Hafsa.
- **Cabarannya menghadapi ancaman penjenayah**
Nurul Hafsa menghadapi kekejaman penculik yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid demi menggagalkan usahanya mewujudkan Kawasan Langit Gelap di Kuala Selangor. Nurul Hafsa diculik sebagai galang ganti untuk mendapatkan Muhammad Taufik, anak kepada Tan Sri Muhamimin yang menjadi musuh peribadi dan perniagaan Dato' Johann Arlington-Majid.

PANDUAN PEMARKAHAN**| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021****• Cabaran berhadapan dengan bukan mabram**

Nurul Hafsa terpaksa berjumpa dan berbincang dengan Muhammad Taufik dalam usaha mereka melestarikan alam sekitar. Nurul Hafsa perlu menjaga batas pergaulan dan mematuhi perintah Allah dengan memakai tudung dan tidak berdua-duaan dengan Muhammad Taufik ketika berbincang.

• Cabaran dalam mempertahankan hujah dan pendapat

Nurul Hafsa berusaha mematahkan hujah Dato' Johann Arlington-Majid sewaktu membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar, Dato' Johann Arlington-Majid sengaja membawa kekeliruan dengan membidas segala hujah Nurul Hafsa agar projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor tidak dipersetujui oleh Menteri Besar.

• Cabaran dalam memberikan cadangan kepada pegawai atasan

Nurul Hafsa membuat kajian dan menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk diamalkan tindakan selanjutnya. Laporan kajian tersebut ditolak kerana Puan Foziah mengatakan tidak ada apa-apa undang-undang alam sekitar yang dilanggar di Kuala Selangor.

BAHAGIAN C- RUMUSAN

Set 2

PENDAHULUAN	
.....membincangkan ... fokus 1 ... dan ... fokus 2	
.....membincangkan kebaikan dan keburukan amalan rumah terbuka	
BAHAN 1 (TEKS)	
FOKUS 1- Kebaikan amalan rumah terbuka	FOKUS 2- kekangan/kelemahan amalan rumah terbuka
1. dapat memupuk semangat kekituan dan kejiranran 2. memupuk semangat perpaduan antara kaum 3. memberi imej yang baik kepada negara untuk menarik perhatian pelancong-pelancong asing 4. Pendapatan negara semakin meningkat 5. melihat dan menyaksikan budaya masyarakat lain	1. masalah untuk menjaga kebersihan 2. segelintir pihak yang mementingkan diri dan tidak menghiraukan orang lain 3. pembaziran makanan
GRAFIK	
FOKUS 1- Kebaikan amalan rumah terbuka	FOKUS 2- kekangan/kelemahan amalan rumah terbuka
1. Menikmati pelbagai juadah 2. Bermaaf-maafan 3. Menggerakkan silaturahim	-TIADA-
KESIMPULAN	
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama menjayakan amalan rumah terbuka agar kehidupan lebih sejahtera	

PANDUAN PEMARKAHAN**Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021**

Set 3

PENDAHULUAN	
Rumusan membincangkan _____ fokus 1 _____ dan _____ fokus 2 _____.	
Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan sarapan dan kesan-kesan tidak mengambil sarapan.	
BAHAN 1 (TEKS)	
FOKUS 1- Kepentingan Sarapan	FOKUS 2- Kesan tidak mengambil sarapan
<ol style="list-style-type: none">1. Pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori2. Dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan.3. Membantu seseorang untuk fokus di tempat kerja atau sekolah.4. Menurunkan tahap kolesterol jahat	<ol style="list-style-type: none">1. Orang yang tidak bersarapan berasa lebih cepat lapar.2. Cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seterusnya.3. Mereka yang mengabaikan sarapan boleh membawa kepada risiko mendapat penyakit berbahaya.
GRAFIK	
FOKUS 1- Kepentingan Sarapan	FOKUS 2- Kesan tidak mengambil sarapan
<ol style="list-style-type: none">1. Kecerdasan otak- Bijak2. Kekuatan Fizikal- Aktif3. Kesihatan tubuh- Susah dijangkiti penyakit	-TIADA-
KESIMPULAN	
Kesimpulannya, masyarakat Malaysia perlu mengambil sarapan agar kesihatan lebih terjamin.	

PANDUAN PEMARKAHAN

Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

PANDUAN PEMARKAHAN**KERTAS 2****BAHAGIAN A****SOALAN 1**

BIL	KATA KERJA	JAWAPAN
1	memastikan	menentukan
2	menggalakkan	Memberi semangat
3	mewujudkan	mengadakan
4	meningkatkan	Meninggikan kedudukan
5	menarik	Menyeret/mengambil/memikat hati

SOALAN 2

1	Apakah maksud ‘projek sakit’ ?
2	Mengapakah perkara itu berlaku ?
3	Siapakah yang menjadi mangsa ?
4	Di manakah projek yang bermasalah itu berlaku ?
5	Sejak bilakah ‘projek sakit’ itu wujud ?
6	Bagaimanakah masalah ‘projek sakit’ itu dapat diatasi ?

SOALAN 3**Petikan 1**

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	Menjadi	menjadikan	imbuhuan
2	keunikkan	keunikan	ejaan
3	Mengongkong	membendung	istilah
4	Jika sekiranya	Jika/sekiranya	tatabahasa
5	menjerumus	terjerumus	imbuhuan
6			

Petikan 2

Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis Kesalahan
1	Menaiktaraf	Menaik taraf	ejaan
2	Kelibatan	dilihat	imbuhuan
3	Taraf	Tahap	istilah
4	Berbanding	Berbanding dengan	tatabahasa
5	Irasarana	Prasarana	imbuhuan
6	Bertanding	Setanding	imbuhuan

SOALAN 4

Setelah kedengaran di Melaka, Cau Pandan yang merupakan anak Bubunnya diarahkan untuk menyerang Melaka. Lalu berkata seorang hamba Allah yang berbangsa Arab tinggal di Melaka, Sidi Arab namanya disebut orang. Beliau seorang yang sentiasa dan mahir bermain panah lasykar. Ke mana sahaja dia pergi, panah itu akan sentiasa dibawanya. Selepas itu, Tuan Sidi Arab pun datang mengadap Sultan Muzaffar Syah.

SOALAN 5

1	Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
2	Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
3	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
4	Terapung sama hanyul, terenang sama di basah
5	Bagai aur dengan tebing

BAHAGIAN B**Soalan 6- Petikan Umum**(i) **Maksud rangkai kata *menampakkan hasil***

- memperlihatkan / menimbulkan / menerbitkan / dapat dilihat penyelesaian / keputusan / kesudahan / kesan

2

menampakkan penyelesaian / keputusan / kesudahan / kesan

1

memperlihatkan / menimbulkan / menerbitkan / dapat dilihat hasil

ii **Impak gejala rasuah****Bahan 1**

- P1 - kehidupan masyarakat menjadi tidak harmoni
- P2 - mengganggu-gugat perkembangan ekonomi negara
- P3 - pemberian tender kerajaan boleh menyebabkan kos meningkat
- P4 - harga barang menjadi lebih mahal
- P5 - imej negara akan tercemar
- P6 - melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi

Bahan 2

- P1 - gagal isytihar perolehan pendapatan
- P2 - gaya hidup mewah secara tiba-tiba
- P3 - peletakan jawatan secara tiba-tiba
- P4 - mempunyai hubungan rapat dengan pombekal
- P5 - kelakuan yang mencurigakan

Maksimum: 3 markah

[Isti cukup : 3 isi]

Nota : selurang-kurangnya 1 isi setiap bahan.

PANDUAN PEMARKAHAN**| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021****(ii) Punca-punca rasuah**

- P1 - keinginan yang melebihi kemampuan / ingin hidup mewah
- P2 - tiada jati diri apabila melihat wang yang banyak di depan mata
- P3 - kurang didikan agama dan moral
- P4 - tidak ada rasa tanggungjawab terhadap negara
- P5 - peluang yang terbuka untuk menerima rasuah
- P6 - tiada integriti dalam melaksanakan tanggungjawab
- P7 - desakan hidup

(iii) Cara membantu kawan

- P1- memberi nasihat dan kembali ke pangkal jalan/bertaubat
- P2 – meminta kawan menyerah diri kepada pihak berkuasa
- P3 – meminta maaf daripada keluarga
- P4 – meminta isteri atau ahli keluarga memberi sokongan moral
- P5 – mendedahkan nama pihak yang terlibat dengan rasuah
- P6 – meminta kawan tidak mengulangi lagi
- P7 – meminta hersedia menerima hukuman

***(Pendapat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7-Petikan Sastera**(i) Maksud rangkai kata**

- | | |
|--|---|
| - membantu/mengangkan / terus/sama sekali/ | 2 |
| - menolong/terus/sama sekali | 1 |
| - membantu/langsung | 1 |

(ii) Kesan pencemaran**Bahan 1**

P1 - air sungai Ceper semakin tohol hingga paras buku lali sahaja

P2 - Banyak ikan telah mati kerana air sungai terlalu cecuk

P3 - Air sungai Ceper berbau busuk kerana najis tidak dapat dialirkan oleh air sungai yang sedikit

Bahan 2

P1 - tumbuh-tumbuhan telah mengalami kepupusan

P2 - banyak flora telah mati

Nota :sekurang-kurangnya 1 isi setiap bahan.

[Isi cukup : 3 isi]

Markah maksimum: 3m |

(iii) Punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi

P1 - penerokaan hutan secara berluasa untuk pertanian dan perindustrian

P2 - Perancangan pembangunan tidak teratur

P3 - Masyarakat kita tidak ada kesedaran sivilik atau tanggungjawab terhadap alam sekitar

PANDUAN PEMARKAHAN

| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

P4 - Manusia yang tamak akan keuntungan sanggup melepaskan sisa toksik dan najis ternakan ke dalam sungai.
[Isi cukup : 3 isi
Markah maksimum: 3m]

(iv) Tindakan yang patut anda lakukan

- P1 - mengumpul bukti pencemaran – ambil gambar di lokasi
- P2 - melapor kepada pihak berkuasa- Jabatan Alam sekitar, polis
- P3 - meminta pihak media massa membuat liputan di kawasan tercemar
- P4 – mencadangkan undang-undang terhadap peneroka haram yang terlibat
- P5 – meminta pihak kerajaan membersihkan kawasan yang tercemar
- P6 – meminta kerajaan mewartakan kawasan berkennen sebagai kawasan simpan

[Isi cukup : 3 isi
Markah maksimum: 4m]

Soalan 8- Novel

8 (i)

- mentaliti masyarakat yang rendah / kelas ketiga
- sistem pengawalan yang lemah
- adanya permintaan daripada pengguna
- pelaku tidak serik didenda / dihukum

8 (ii)

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan keistimewaan watak utama sehingga menimbulkan perasaan kagum dalam diri pembaca.

Novel Pantai Kasih

Watak Utama – Doktor Raiha

• Seorang yang tegas dalam membuat keputusan

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tetap menjadi pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz meskipun tidak direstui oleh ayahnya. Dia juga tetap meneruskan kandungannya walaupun tindakannya itu ditentang oleh suaminya.

• Seorang yang amanah

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tetap melakukan pembedahan penggantian tulang pinggul terhadap Unong Siron atas arahan Doktor Uwang walaupun berpendapat bahawa hanya Doktor Uwang yang layak melakukan pembedahan itu.

• Seorang yang bertanggungjawab

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Doktor Raiha melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan.

• Seorang yang penyayang

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha amat menyayangi anaknya walaupun anak itu tidak normal. Dia sanggup melarikan anaknya daripada suaminya kerana tidak rela anaknya itu di hantar ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak sindrom Down.

- **Seorang yang prihatin / simpati / belas kasihan terhadap orang lain**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha prihatin akan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali pada bahagian badannya yang sama. Dia juga prihatin akan ibu Unong Siron yang bersedih atas nasib yang menimpa anaknya itu. Selain itu, Doktor Raiha pernah menghantar Felicia pulang ke rumah kerana pada masa itu Felicia belum mampu memiliki kereta sendiri.

- **Seorang yang tabah menghadapi cabaran dan dugaan hidup**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kenangan pahit yang mengorbankan anak kesayangannya dan peristiwa hitam yang membawa kehancuran rumah tangganya bersama-sama Doktor Sadiz.

- **Seorang yang reda dengan ketentuan Tuhan**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha reda menerima kematian Ayu sebagai satu ketentuan takdir dan berdoa agar Allah memberikan kekuatan kepadanya.

- **Seorang yang pemaaif**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat secara tidak langsung dalam tragedi yang menjadi punca kematian Ayu apabila Felicia telah sedar dan insaf akan kesilapan yang dilakukannya.

Novel Bimasakti Menari

Watak Utama – Nurul Hafsa

- **Seorang yang cinta akan alam sekitar**

Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa berusaha mengatasi masalah pencemaran Cahaya di Kuala Selangor yang memberi kesan buruk kepada aktiviti pencerapan bintang dan populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan.

- **Seorang yang tabah**

Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.

- **Seorang yang bijaksana**

Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa bijak mematahkan hujah Dato' John Arlington-Majid sewaktu membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar.

- **Seorang yang gigih**

Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa gigih dalam merealisasikan impiannya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap bagi tujuan pencerapan bintang dan pengekalan populasi kelip-kelip. Nurul Hafsa juga gigih dalam usaha mengotakkan janjinya kepada 15 orang pelajar cilik dari negara Jepun yang ingin melihat bintang.

- **Seorang yang bersyukur**

Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa bersyukur kepada Tuhan kerana dia tidak dicodrakan oleh penjenayah kejika diculik dan dijadikan orang tawanan.

PANDUAN PEMARKAHAN

| Modul Intervensi Pembelajaran – Bahasa Melayu SPM 2021

BAHAGIAN C- RUMUSAN**Soalan 9**

PENDAHULUAN	
Rumusan membincangkan _____ fokus 1 _____ dan _____ fokus 2 _____.	
Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan kesan-kesan pencemaran sungai dan usaha-usaha mengatasinya .	
BAHAN I (TEKS)	
FOKUS 1- Kesan pencemaran	FOKUS 2- Usaha mengatasi pencemaran
1. Persekutuan sungai telah menjadi sarang penangkib dadah 2. Menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus, lipas dan lalat.	1. Kerajaan perlu menjalai semula kempen mengubah budaya membuang sampah untuk menyedarkan warga kota. 2. Pihak penguat kuasa perlu memainkan peranan dengan melaksanakan dan menguakasakan undang-undang yang berkaitan dengan tegas 3. DBKL perlu mengaktifkan program sungai angkat selain menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai 4. Para pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemuliharaan sungai yang dicemari oleh aktiviti mereka sendiri
GRAFIK	
FOKUS 1- Kesan pencemaran	FOKUS 2- Usaha mengatasi pencemaran
1. Sungai menjadi kotor dan berbau busuk 2. Kehidupan akvatik akan mati dan pupus 3. Keindahan sungai akan terjejas	-TIADA-
KESIMPULAN	
Kesimpulannya, rakyat Malaysia perlu menjaga kebersihan sungai agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang.	